

**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

KANDUNGAN	HALAMAN
Laporan Para Pengarah	1 - 21
Penyata oleh Para Pengarah	22
Akuan Berkanun	22
Laporan Juruaudit Bebas	23-24
Penyata Kedudukan Kewangan	25
Penyata Perubahan dalam Ekuiti	26
Penyata Pendapatan	27
Penyata Pendapaan Komprehensif	28
Penyata Aliran Tunai	29-30
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	31-86

**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah pengunderaitan perniagaan insurans am. Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah sebuah subsidiari milik penuh PacificMas Berhad ("PacificMas"), sebuah syarikat awam liabiliti berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, sehingga 30 Disember 2010.

Pada 3 Disember 2010, PacificMas menandatangani perjanjian jualan saham ("SSA") untuk melupuskan 100% kepentingan ekuiti di dalam Syarikat kepada Fairfax Asia Limited. SSA tersebut menjadi tidak bersyarat pada 30 Disember 2010 setelah pelupusan diluluskan oleh pemegang saham PacificMas. Oleh demikian, Syarikat tidak lagi dianggap anak syarikat milik sepenuh PacificMas pada 31 Disember 2010.

KEPUTUSAN

RM

Keuntungan bersih untuk tahun

7,137,813

Tidak terdapat pindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan, selain daripada yang didedahkan di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para pengarah, keputusan pengendalian Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa.

DIVIDEN

Para pengarah tidak mencadangkan pembayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan semasa.

PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah Syarikat sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini adalah:

Tan Sri Dato' Nasruddin Bin Bahari
Tan Sri Dato' Wong Kum Choon
David Wong Cheong Fook
George Lee Lap Wah
Wong Ah Wah
Ng Hon Soon

Menurut Artikel 65 Tataurusuan Persatuan Syarikat, Wong Ah Wah akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dan oleh sebab layak, menawarkan diri untuk pelantikan semula.

Dalam melaksanakan Seksyen 129 Akta Syarikat 1965, Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari dan Tan Sri Dato' Wong Kum Choon akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan resolusi-resolusi akan dicadangkan bagi pelantikan semula mereka sebagai pengarah-pengarah di bawah peruntukan Seksyen 129 (6) Akta tersebut untuk memegang jawatan sehingga penamatan Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang seterusnya.

Pada 30 Disember 2010, cadangan pelupusan Syarikat oleh PacificMas Berhad kepada Fairfax Asia Limited ("Cadangan Pelupusan") menjadi tidak bersyarat dan Cadangan Pelupusan dijangkakan selesai menjelang April 2011. Selepas penyelesaian Cadangan Pelupusan, Pengarah Syarikat sedia ada akan mengundurkan diri dan calon Pengarah Fairfax Asia Limited akan dilantik kepada Lembaga Pengarah Syarikat.

Tan Sri Dato' Nasruddin Bin Bahari, Tan Sri Dato' Wong Kum Choon dan Wong Ah Wah akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang ("AGM"), sekiranya Cadangan Pelupusan belum disempurnakan sebelum AGM Syarikat yang akan datang.

URUS TADBIR KORPORAT

(a) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah

Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan taraf amalan urus tadbir korporat yang tertinggi agar urusan-urusan Syarikat dijalankan secara profesional, bertanggungjawab dan berintegriti dengan objektif untuk meningkatkan nilai pemegang saham serta menjaga kepentingan pihak berkepentingan yang lain.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)

(a) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah (samb.)

Tanggungjawab Lembaga Pengarah (samb.)

Lembaga adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi pengawasan yang sewajarnya terhadap sumber-sumber Syarikat, pencapaian objektif-objektif korporat dan urus tadbir korporat yang baik selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM"), BNM/RH/GL 003-01 ke atas Piawaian Minimum untuk Pengurusan Berhemah Penanggung Insurans (Gabungan) dan BNM/RH/GL 003-02 ke atas Rangka Kerja Berhemah Urus Tadbir Korporat bagi Penanggung Insurans. Syarikat telah mematuhi pemakaian preskriptif serta mengguna pakai amalan pengurusan yang sejajar dengan garis panduan ini.

Lembaga bertanggungjawab pada keseluruhannya ke atas arah haluan strategi dan rancangan pembangunan dalam pencapaian Syarikat. Lembaga bermesyuarat secara tetap dan mempunyai jadual formal bagi perkara-perkara yang secara khusus memerlukan pertimbangan dan kelulusannya, termasuk rancangan perniagaan dan strategik tahunan, pengendalian perniagaan, prestasi kewangan, pengurusan risiko, pelaburan, penstrukturan semula korporat dan juga keperluan pematuhan di bawah Rangka Kerja Modal Berdasarkan Risiko. Kelulusan Lembaga juga diperlukan bagi transaksi Syarikat dalam menggunakan sumber luar bagi sesetengah fungsi perniagaan, pengambilalihan penting dan pelupusan aset, serta urus niaga pihak berkaitan utama. Lembaga juga mengkaji semula dan meluluskan tahap kekuasaan bagi fungsi utama Syarikat, termasuk kuasa meluluskan perbelanjaan, kuasa penerimaan risiko, kuasa meluluskan tuntutan, dasar pelaburan dan strategi penginsurans semula.

Pengarah-pengarah sentiasa dimaklumkan, secara berkala, melalui program latihan dan taklimat yang berkaitan agar mereka sentiasa sedia maklum mengenai perkembangan pasaran. Pengarah juga sentiasa dimaklumkan mengenai sebarang perubahan dasar dan pentadbiran atau peraturan baru yang dikeluarkan oleh BNM dan badan profesional berkaitan.

Imbangan dan Mesyuarat Lembaga Pengarah

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, Lembaga terdiri daripada seorang Pengerusi bebas bukan eksekutif, dua orang pengarah bebas bukan eksekutif dan tiga orang pengarah bukan bebas bukan eksekutif. Para pengarah perlu membuat pengisytiharan dalaman setiap tahun untuk mengkaji semula status kepatuhan mereka kepada Bahagian XII Peraturan Insurans, 1996 terhadap kriteria minimum iaitu "seorang yang sihat dan waras". Selaras dengan Seksyen (70(1) Akta Insurans, 1996, semua pengarah dilantik dan dilantik semula ke Lembaga selepas memperoleh kelulusan terdahulu daripada BNM. Semua pengarah didapati mematuhi jumlah maksimum pemegangan jawatan pengarah yang ditetapkan dan tidak merupakan ahli politik aktif.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)**(a) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah (samb.)****Imbangan dan Mesyuarat Lembaga Pengarah (samb.)**

Para pengarah adalah mereka yang berkaliber, berkredibiliti dan berintegriti. Secara kolektif, mereka membawa bersama mereka pengalaman perniagaan dan pengurusan, pelbagai kemahiran dan pengetahuan khusus yang diperlukan untuk menerajui Syarikat.

Lembaga Pengarah Syarikat pada 31 Disember 2010 terdiri daripada enam pengarah seperti berikut:

Ahli	Status Perjawatan Pengarah
Tan Sri Dato' Nasruddin Bin Bahari	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Pengerusi
Tan Sri Dato' Wong Kum Choon	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
David Wong Cheong Fook	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
George Lee Lap Wah	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Wong Ah Wah	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Ng Hon Soon	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Lembaga bermesyuarat sebanyak tujuh (7) kali dalam tahun kewangan dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

Nama	Jumlah Mesyuarat	
	Yang Dihadiri	%
Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari	7/7	100
Tan Sri Dato' Wong Kum Choon	7/7	100
David Wong Cheong Fook	7/7	100
George Lee Lap Wah	7/7	100
Wong Ah Wah	7/7	100
Ng Hon Soon	7/7	100

Ahli Lembaga Pengarah disediakan dengan maklumat dan laporan yang mencukupi dan tepat pada masa, termasuk maklumat penerangan latar belakang, terhadap semua perkara yang diunjurkan kepada Lembaga. Semua pengarah mempunyai capaian penuh dan tidak terhad ke atas maklumat dan rekod Syarikat serta perkhidmatan dan nasihat Setiausaha Syarikat dan pihak pengurusan kanan Syarikat untuk membantu mereka dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab mereka.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)**(a) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah (samb.)****Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Bagi menyokong pelaksanaan tanggungjawab dan fungsi-fungsinya, Lembaga menyerahkan tanggungjawabnya yang tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang beroperasi dalam bidang rujukan jelas yang tertentu. Jawatankuasa-jawatankuasa ini melaporkan kepada Lembaga perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa tersebut dan mengesyorkan perkara-perkara yang memerlukan kelulusan Lembaga.

(i) Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit ("AC") terdiri daripada tiga orang ahli yang merupakan pengarah-pengarah bebas bukan eksekutif. Komposisi jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

Ahli	Status Perjawatan Pengarah
Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Pengerusi
Tan Sri Dato' Wong Kum Choon	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
David Wong Cheong Fook	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

AC bermesyuarat sebanyak sembilan (9) kali dalam tahun kewangan dan kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Nama	Jumlah Mesyuarat	
	Yang Dihadiri	%
Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari	9/9	100
Tan Sri Dato' Wong Kum Choon	9/9	100
David Wong Cheong Fook	8/9	88

Bidang rujukan AC mematuhi JPI/GPI 13 berkenaan Garis Panduan Jawatankuasa Audit dan Jabatan Audit Dalaman untuk Syarikat Insurans. AC mempunyai capaian bebas kepada juru audit dalaman, juru audit luaran dan pihak pengurusan bagi menjalankan fungsi-fungsinya. Ini termasuk memperkukuhkan kebebasan dan keobjektifan fungsi audit dalaman dan luaran serta penentuan skop dan hasilnya. AC mengkaji semula penemuan juru audit dalaman/luaran dan daripada pemeriksa BNM, serta memantau tindak balas dan tindakan yang diambil oleh pengurusan bagi menangani penemuan tersebut.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)

(a) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah (samb.)

Jawatankuasa Lembaga Pengarah (samb.)

(i) Jawatankuasa Audit (samb.)

AC juga menjalankan kajian semula penyata kewangan Syarikat, cadangan pertukaran piawaian perakaunan dan dasar ke atas penyata kewangan serta penyelenggaraan sistem kawalan dalaman yang baik untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Syarikat. Selain daripada mengkaji dan meluluskan Rancangan Audit tahunan, AC juga menilai keberkesanan kos, kebebasan dan keobjektifan juruaudit luaran sebelum memberi cadangan kepada Lembaga untuk disyorkan kepada pemegang saham mengenai pelantikan dan pelantikan semula. AC mengkaji semula dan meluluskan sebarang pelantikan khidmat luar bukan audit yang disediakan oleh juruaudit luaran. AC juga mengkaji semula urusan niaga pihak berkaitan dan urusan niaga berulang pihak berkaitan yang dilaksanakan oleh Syarikat.

(ii) Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC") menyokong Lembaga dalam menguruskan pengurusan risiko Syarikat secara keseluruhan dan terdiri daripada tiga orang ahli yang merupakan pengarah bebas bukan eksekutif. Komposisi jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

Ahli	Status Perjawatan Pengarah
Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Pengerusi
Tan Sri Dato' Wong Kum Choon	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
David Wong Cheong Fook	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

RMC bermesyuarat sebanyak empat (4) kali dalam tahun kewangan dan kehadiran ahli adalah seperti berikut:

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)**(a) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah (samb.)****Jawatankuasa Lembaga Pengarah (samb.)****(ii) Jawatankuasa Pengurusan Risiko (samb.)**

Nama	Jumlah Mesyuarat	
	Yang Dihadiri	%
Tan Sri Dato' Nasruddin bin Bahari	4/4	100
Tan Sri Dato' Wong Kum Choon	4/4	100
David Wong Cheong Fook	3/4	75

Garis panduan BNM BNM/RH/GL 003-01 berkenaan Piawaian Minimum untuk Pengurusan Berhemah Penanggung Insurans (Gabungan) menghendaki RMC mengawasi aktiviti-aktiviti pengurusan kanan dalam menguruskan hal-hal risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko diamalkan dan berfungsi dengan berkesan. Tanggungjawab RMC termasuk kajian semula laporan pengurusan berkala mengenai pendedahan risiko, portfolio risiko dan strategi-strategi pengurusannya, memastikan kecukupan prasarana, sumber dan sistem bagi pengurusan risiko yang efektif, menilai kecukupan dasar-dasar dan rangka kerja bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko, serta takat di mana perkara-perkara tersebut beroperasi secara efektif. RMC juga terlibat dalam kajian semula keperluan di bawah Rangka Kerja Modal Berdasarkan Risiko berhubung rancangan pengurusan modal Syarikat, sasaran modal dalaman dan hasil ujian tekanan berkala. Syarikat telah melaksanakan Rangka Kerja Modal Berdasarkan Risiko dengan berjayanya sejak 2009 dengan nisbah kecukupan modal yang melebihi sasaran modal dalaman dan pengawasan.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan

Dengan kelulusan yang diberikan oleh BNM, fungsi dan tanggungjawab kedua jawatankuasa di atas dijalankan oleh Jawatankuasa Pencalonan ("NC") dan Jawatankuasa Imbuan ("RC") syarikat induk, PacificMas Berhad ("PacificMas"). Bidang rujukan kedua-dua NC dan RC mematuhi garis panduan berkenaan fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa penginsurans yang dikeluarkan di bawah Garis panduan BNM BNM/RH/GL 003-01 berkenaan Piawaian Minimum untuk Pengurusan Berhemah Penanggung Insurans (Gabungan).

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)**(a) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah (samb.)****Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan (samb.)****(i) Jawatankuasa Pencalonan**

Komposisi jawatankuasa pencalonan terdiri daripada pengarah-pengarah PacificMas seperti berikut:

Ahli	Status Perjawatan Pengarah
David Wong Cheong Fook	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Pengerusi
Tan Sri Dato' Nasruddin Bin Bahari	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Dr. Raja Lope Bin Raja Shahrome	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
George Lee Lap Wah	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Chew Sun Teong	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

NC bermesyuarat tiga (3) kali dalam tahun kewangan dan kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Nama	Jumlah Mesyuarat	
	Yang Dihadiri	%
David Wong Cheong Fook	3/3	100
Tan Sri Dato' Nasruddin Bin Bahari	3/3	100
Dr. Raja Lope Bin Raja Shahrome	3/3	100
George Lee Lap Wah	3/3	100
Chew Sun Teong	3/3	100

JP diberi tanggungjawab untuk mempertimbangkan dan menilai pelantikan pengarah-pengarah baru dan pengarah-pengarah yang akan mengambil tempat dalam Jawatankuasa Lembaga Syarikat dan bagi mencadangkan calon kepada Lembaga untuk pelantikan dan pelantikan semula atau pemilihan semula. Selain daripada itu, jawatankuasa juga diamanahkan dengan tanggungjawab mengesyorkan kepada Lembaga pelantikan ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama Syarikat.

Berkenaan dengan pengarah yang akan bersara, NC mengkaji semula kesesuaian dan kecekapan serta sumbangan para pengarah untuk pemilihan semula dan pelantikan semula sebelum mencadangkan nama mereka kepada Lembaga untuk kelulusan dan seterusnya kepada pemegang saham untuk kelulusan di Mesyuarat Agung Tahunan.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)**(a) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah (samb.)****Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan (samb.)****(i) Jawatankuasa Pencalonan (samb.)**

Setiap tahun, JP juga mengkaji semula struktur, saiz dan komposisi Lembaga serta kepelbagaian kemahiran dan kebolehan teras yang diperlukan oleh Lembaga untuk melaksanakan tugas-tugasnya dengan efektif. Ia juga akan menilai, setiap tahun, keberkesanan Lembaga pada keseluruhannya dan Jawatankuasa Lembaga serta sumbangan setiap pengarah. JP juga akan menimbangankan perancangan penggantian Lembaga pada waktu mana yang sesuai.

(ii) Jawatankuasa Imbuan

Komposisi RC terdiri daripada pengarah-pengarah PacificMas seperti berikut:

Ahli	Status Perjawatan Pengarah
Tan Sri Dato' Nasruddin Bin Bahari	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Pengerusi
Brig Jen (B) Dato' Ahmad Zahudi Bin Hj. Salleh	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Dr. Raja Lope Bin Raja Shahrome	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
George Lee Lap Wah	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

NC bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali dalam tahun kewangan dan kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Nama	Jumlah Mesyuarat	
	Yang Dihadiri	%
Tan Sri Dato' Nasruddin Bin Bahari	3/3	100
Brig Jen (B) Dato' Ahmad Zahudi Bin Hj. Salleh	3/3	100
Dr. Raja Lope Bin Raja Shahrome	3/3	100
George Lee Lap Wah	3/3	100

Lembaga mengakui bahawa tahap imbuan mesti memadai untuk menarik, mengekal dan mendorong para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai kanan utama yang berkualiti yang diperlukan untuk menguruskan Syarikat. Dalam hal ini, RC bertanggungjawab mengkaji semula dan mencadangkan pakej imbuan bagi para pengarah dan ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan Syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)

(b) Kebertanggungjawaban Pengurusan

Syarikat mempunyai struktur organisasi dengan batasan kebertanggungjawaban yang jelas dan kuasa yang ditugaskan untuk memastikan pengenalpastian kebertanggungjawaban dan pengasingan tugas-tugas yang sesuai. Had kuasa pengendalian yang merangkumi semua aspek pengendalian termasuk pengunderaitan, penyelesaian tuntutan dan kewangan dikaji semula dan dikemas kini secara bersesuaian. Penghuraian kerja yang didokumenkan dengan jelas bagi semua pekerja pengurusan dan eksekutif dikekalkan sementara penilaian prestasi secara formal dikendalikan sekurang-kurangnya sekali setahun. Sebarang perubahan kepada struktur organisasi dimaklumkan kepada semua kakitangan.

Tiada pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pengurus kanan Syarikat yang bertanggungjawab dengan kelulusan dan pemprosesan kemudahan pembiayaan mempunyai kepentingan sama ada secara terus atau tidak dalam kemudahan tersebut, seperti yang dirujuk di dalam Seksyen 54 Akta Insurans 1996.

Pengarah yang berkuasa atau memiliki harta tidak mempunyai kepentingan sama ada secara terus atau tidak, yang mempunyai konflik dengan tugas atau kepentingan sebagai pengarah, seperti yang dirujuk di dalam Seksyen 55 Akta Insurans 1996.

(c) Kebebasan Korporat

Syarikat memenuhi keperluan Garis panduan BNM BNM/RH/GL003-3 ke atas Garis Panduan Urus Niaga Pihak Berkaitan (Gabungan). Semua urus niaga dengan pihak berkaitan yang material dibentangkan di dalam penyata kewangan beraudit selaras dengan FRS124 berkenaan Pendedahan Pihak Berkaitan. Selain daripada peruntukan perkhidmatan kewangan pada terma komersial biasa dan dalam proses perniagaan biasa, semua urus niaga pihak berkaitan dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk kajian semula dan kelulusan.

(d) Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Operasi

Lembaga bertanggungjawab pada keseluruhannya bagi mengekalkan sistem kawalan dalaman dan rangka struktur pengurusan risiko Syarikat untuk memberikan jaminan yang munasabah ke atas operasi yang efisien dan efektif, kawalan kewangan dalaman dan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan. Terdapat proses yang berterusan bagi mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Proses ini dikaji semula secara berkala oleh Lembaga. Untuk melaksanakan tugas-tugasnya, Lembaga mengamanahkan tanggungjawab khusus kepada AC dan RMC sebagai sebahagian daripada proses pengawalan dalaman dan pengurusan risiko Syarikat.

Sebuah rangka kerja pengurusan risiko yang formal diwujudkan di dalam Syarikat oleh Unit Pengurusan Risiko ("RMU") yang diketuai oleh ketua pegawai eksekutif sebagai Pegawai Pengurusan Risiko ("RMO") dan terdiri daripada Penyelaras Pengurusan Risiko dan pegawai pengurusan kanan Syarikat. RMU melaporkan terus kepada RMC Syarikat.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)

(d) Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Operasi (samb.)

Sepanjang tahun kewangan, inisiatif pengurusan risiko berikut dilaksanakan oleh RMU:

- (i) RMU mengkaji semula risiko yang dikenal pasti dan melaporkan hasil penilaian risiko kepada RMC dan Lembaga untuk dipertimbangkan pada setiap suku.
- (ii) RMU menilai dan mengenal pasti risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat, dari semasa ke semasa, seperti risiko perniagaan strategik dan risiko pengendalian, serta bidang yang berkaitan dengan isu berperaturan dan pematuhan, kewangan, risiko pengunderaitan dan tuntutan, dan rancangan keselantaran perniagaan. Rancangan pelegaan serta langkah pengawalan telah dibentuk dan dilaksanakan untuk menghadapi risiko-risiko ini dan pemantauan dilakukan untuk memastikan ketepatan masa dan keberkesannya. RMU juga menentukan tarikh sasaran untuk menambahbaik yang berkemungkinan dalam penarafan risiko, pada masa yang sama memastikan rancangan tindakan susulan.
- (iii) RMU mengekalkan satu pangkalan data yang dikemas kini bagi semua risiko dan kawalan dalam bentuk daftar risiko yang terperinci dan profil risiko individu untuk Syarikat. Kemungkinan berlakunya risiko utama dan kesannya diawasi dan dinilai secara berkala.

Pendedahan dasar pengurusan risiko Syarikat dibentangkan di bawah Nota 29 dan 30 dalam penyata kewangan.

Selain daripada perkara di atas, jawatankuasa utama berikut juga, antara lain, berkhidmat secara berterusan untuk mencapai objektif bagi meningkatkan budaya pengurusan risiko Syarikat:

- (i) Jawatankuasa Perancangan Pemulihan Bencana Korporat diberi tugas untuk menyediakan, mengkaji semula dan menguji secara berkala keberkesanan rancangan keselantaran perniagaan Syarikat untuk menyokong pengendalian perniagaan yang kritikal. Syarikat mempunyai Rancangan Penerusan Perniagaan ("BCM") yang dikaji semula dan dikemas kini sekurang-kurangnya setahun sekali. Rancangan BCM bertujuan memastikan sumber dan perkhidmatan kritikal Syarikat tersedia sekiranya terdapat kegagalan sistem atau gangguan perniagaan. Ia juga bertujuan untuk memastikan gangguan yang mungkin berlaku pada pengendalian dan perkhidmatan dikurangkan ke tahap yang boleh diterima melalui gabungan kawalan rancangan luar jangkaan dan pemulihan yang dirancang dengan baik. Syarikat berjaya menguji BCM dan Rancangan Pemulihan Bencana IT berkaitan semasa tahun ini dengan pemerhatian daripada pembekal khidmat audit luaran.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)

(d) Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Operasi (samb.)

- (ii) Jawatankuasa Pemimpin Teknologi Maklumat (“ITSC”) mempunyai tanggungjawab untuk memantau kecekapan, prestasi dan keberkesanan perkhidmatan IT secara keseluruhan. ITSC bermesyuarat dengan tetap bagi mengkaji semula pengendalian IT syarikat, rancangannya, kemajuan rancangan tindakan, dan juga pelaburan dalam sumber IT dan membuat cadangan apabila perlu. Rancangan IT yang dirumuskan semasa tahun kewangan termasuk rancangan IT jangka pendek dan jangka sederhana yang selari dengan arah perniagaan Syarikat.
- (iii) Jawatankuasa Pengurusan Anti-Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (“AML/CFT”) terdiri daripada ketua pegawai eksekutif, pegawai pematuhan di ibu pejabat dan juga cawangan, serta pegawai kanan utama Syarikat tersedia untuk menguruskan risiko dan bidang-bidang yang berkaitan dengan AML/CFT. Syarikat juga memperkenalkan beberapa langkah yang menggunakan IT sebagai alat untuk mengenal pasti urus niaga yang menimbulkan kesangsian.

Syarikat mempunyai Rangka Kerja AML/CFT yang menurut garis panduan BNM dan undang-undang bagi mengelakkan Syarikat daripada digunakan sebagai saluran pengubahan wang haram di dalam sistem kewangan. Rangka kerja ini mematuhi Akta Anti Pengubahan Wang & Anti Pembiayaan Penganas 2001, serta UPW/GP1 berkenaan Garis Panduan Piawaian ke atas AML/CFT dan UPW/GP1[2] ke atas AML/CFT – Garis Panduan Sektorial 2 untuk Industri Insurans dan Takaful daripada BNM.

- (iv) Jawatankuasa Pengawasan Kredit mengkaji risiko kredit, pemulihan penghutang dagangan dan kedudukan penyelarasan dengan pihak ketiga serta kajian terhadap keperluan Piawaian Laporan Kewangan berkenaan risiko kredit dan membuat cadangan terhadap kepatuhannya. Jawatankuasa juga mempertimbangkan dan melaksanakan langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki prosedur dan amalan pengawasan kredit sedia ada.
- (v) Syarikat mempunyai Jawatankuasa Pembangunan Produk yang menjalankan perancangan, pembentukan dan pembangunan produk baru, serta mengkaji produk Syarikat menurut garis panduan semasa seperti BNM/RH/GL 010-14 berkenaan Garis Panduan ke atas Pengenalalan Produk Baru untuk Syarikat Insurans dan Pengendali Takaful dan BNM/RH/GL 000-3 berkenaan Garis Panduan terhadap Ketelusan Produk dan Pendedahan. Semua produk baru yang dibentuk dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan dan kepada BNM sekiranya kelulusan diperlukan.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)

(d) Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Operasi (samb.)

- (vi) Jawatankuasa Cukai Barangan dan Perkhidmatan (“GST”) sudah tersedia sejak tahun 2007 sebagai penyediaan pelaksanaan GST. Perancangan awal ini adalah bagi menyediakan Syarikat untuk rejim GST agar pelaksanaan penyelarasan pengendalian dalam proses perniagaan, pembangunan sistem dan latihan kakitangan berjalan lancar. Syarikat sudah memulakan fasa pertama projek ini dengan merancang urus niaga input/output GST dan mengenal pasti implikasi GST di dalam pengendalian perniagaan dan sistem maklumat pengurusan Syarikat. Usaha ini akan diteruskan selepas pengumuman lanjut mengenai rejim GST dibuat oleh pihak kerajaan.

Syarikat beroperasi dalam satu persekitaran perniagaan yang tertakluk kepada bidang kawalan dan keperluan kepatuhan operasi serta pelaporan. Setiausaha Syarikat dan pengurusan kanan memaklumkan Lembaga tentang undang-undang dan garis panduan baru serta perubahannya dan juga penerimaan piawai perakaunan dan insurans baru yang perlu diguna pakai oleh Syarikat. Untuk menangani risiko kepatuhan, Syarikat melantik sebuah Unit Kepatuhan yang bertanggungjawab menempatkan langkah-langkah kawalan yang mencukupi untuk menyediakan jaminan yang munasabah bahawa perniagaan Syarikat dijalankan mengikut undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan dalaman/luaran yang ditetapkan. Unit Kepatuhan ini mengemukakan penyata kepatuhan serta laporan pelanggaran undang-undang kepada syarikat induk setiap suku.

Syarikat telah mendapatkan kebenaran BNM untuk mengamanahkan fungsi audit dalaman kepada Jabatan Audit Dalaman Kumpulan syarikat induk, PacificMas Berhad, untuk memberikan Lembaga satu penilaian bebas tentang kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman. Sekiranya perlu, syarikat akan mendapatkan bantuan firma perakaunan antarabangsa untuk melaksanakan tugas audit terpilih.

Jabatan Audit Dalaman Kumpulan melaporkan terus kepada AC Syarikat. Fungsi dan tanggungjawab AC serta fungsi audit dalaman adalah menurut Bahagian A Garis Panduan BNM JPI/GPI 13: Garis Panduan ke atas Jawatankuasa Audit dan Jabatan Audit Dalaman bagi Syarikat Insurans manakala fungsi audit dalaman pula adalah selaras dengan Piagam Audit Dalaman Kumpulan dan Garis Panduan BNM/RHGL 013-4 – Garis Panduan ke atas Fungsi Audit Dalaman Institusi Berlesen.

Syarikat mempunyai program pendedahan maklumat dan AC akan mengkaji kekhuatiran, termasuk aduan tanpa nama, yang mana kakitangan atau pihak luaran, boleh, secara sulit, menimbulkan secara salah laku atau kesalahan di dalam Syarikat dan akan memastikan kekhuatiran ini disiasat secara bebas oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan dan/atau pembekal khidmat luaran yang dianggap sesuai oleh AC.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)**(d) Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Operasi (samb.)**

Fungsi audit dalaman menggunakan satu kaedah audit yang sistematik, berdisiplin serta berasaskan risiko dan menyediakan strategi serta rancangan audit berdasarkan kepada profil risiko dan jabatan fungsian Syarikat, yang dikenal pasti melalui proses pengurusan risiko. Audit dalaman mengkaji secara bebas, pendedahan risiko dan proses pengawalan terhadap urus tadbir, pengendalian dan sistem maklumat yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Audit dalaman juga mengesahkan urus niaga pihak berkaitan berulang yang disediakan oleh pihak Pengurusan untuk kajian semula AC setiap suku tahun. Aktiviti audit dalaman adalah berpandukan rancangan audit tahunan yang terperinci yang diluluskan oleh AC dan dikemas kini apabila diperlukan selepas kelulusan terdahulu daripada AC.

Dalam tahun kewangan, fungsi audit dalaman melaporkan sebanyak sembilan (9) kali kepada AC. Laporan audit dalaman dibentangkan dalam mesyuarat AC dan penemuannya dikaji dengan pihak pengurusan. Juruaudit-juruaudit dalaman melaksanakan audit lanjutan untuk memastikan bahawa cadangan-cadangan untuk memperbaiki kawalan dilaksanakan oleh pihak pengurusan. AC telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan sebanyak dua kali untuk membincangkan masalah, isu dan kekhawatiran yang terbangkit daripada audit interim dan akhir, serta urusan-urusan lain yang berkaitan. Inisiatif ini, bersama dengan penerimaan pihak pengurusan berkait cadangan juru audit luar berkenaan penambahbaikan kawalan dalaman yang didapati semasa audit, memberi jaminan yang munasabah bahawa prosedur-prosedur pengawalan telah tersedia. AC membentangkan laporannya kepada Lembaga Pengarah untuk dikaji dari semasa ke semasa.

Elemen-elemen utama lain sistem kawalan dalam Syarikat dinyatakan di bawah:

(i) Budaya Korporat

Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan kanan Syarikat menentukan keperluan untuk budaya korporat yang efektif di dalam organisasi melalui nilai korporat teras Syarikat iaitu kualiti, integriti, profesionalisme, tumpuan terhadap hasil dan kerjasama.

(ii) Struktur Organisasi

Syarikat mempunyai struktur organisasi yang menunjukkan garisan jelas kebertanggungjawaban dan tahap autoriti yang diamanahkan untuk memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman. Semua perubahan kepada struktur organisasi dimaklumkan kepada semua kakitangan bagi memastikan pengenalpastian tepat mengenai tanggungjawab dan pembahagian tugas.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)

(d) Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Operasi (samb.)

(iii) Komunikasi

Mesyuarat pengurusan tetap diadakan di dalam Syarikat bagi membincangkan prestasi kewangan, prestasi pengendalian, isu perniagaan, implikasi risiko baru dan perkara-perkara relevan yang lain.

(iv) Kecekapan kakitangan dan perancangan lanjutan

Profesionalisme dan kecekapan kakitangan ditambahbaikkan melalui latihan dan program perkembangan berterusan dan proses penggajian berstruktur. Rancangan prestasi dan sistem penilaian kakitangan disediakan dengan penunjuk prestasi utama dan kecekapan yang diwujudkan yang dikaji semula setiap setengah dan akhir tahun. Syarikat memiliki Kod Etika untuk membimbing kakitangan dalam prestasi kerja dan dalam penegakan piawaian etika.

Lembaga Pengarah menyedari tanggungjawabnya untuk mengenal pasti dan memperkembangkan calon yang sesuai untuk perancangan lanjutan jangka panjang pihak pengurusan kanan. Pihak pengurusan kanan telah mengenal pasti kakitangan utama untuk fungsi kritikal agar rancangan lanjutan boleh berlangsung dengan lancar.

(v) Program pendedahan maklumat

Pendedahan maklumat merupakan pelindung efektif bagi menentang penyataan palsu, rasuah atau penyelewengan lain yang melemahkan sistem kawalan dalam dan garisan pelaporan organisasi. Oleh demikian, Syarikat telah melaksanakan program pendedahan maklumat untuk menggalakkan kakitangannya melaporkan sebarang syak penyataan palsu, luar aturan atau kesalahan kecil, dengan suci hati tanpa kebimbangan tindak balas oleh sebarang pihak.

(vi) Kebebasan juru audit luar

Syarikat mempunyai dasar berkenaan penyediaan khidmat bukan audit oleh juru audit luar. Syarikat sentiasa memastikan bahawa juru audit luar menjalankan audit secara audit dan bebas, tanpa kekurangan, atau tanggapan bahawa terdapat kekurangan. Syarikat hanya menggunakan khidmat juru audit luar untuk jaminan audit dan cukai korporat, kecuali dibenarkan secara khusus oleh Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit juga mengkaji jumlah yuran yang diperoleh oleh juru audit luar daripada khidmat bukan audit yang disediakan untuk Syarikat agar mendapat jaminan bahawa kebebasan juru audit luar tidak terjejas.

URUS TADBIR KORPORAT (SAMB.)

(e) Kebertanggungjawaban Awam dan Amalan Berpatutan

Sebagai penjaga dana awam, urusan Syarikat dengan orang awam sentiasa dilaksanakan dengan adil, jujur dan secara profesional. Syarikat mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan semua polisi insurans yang diterbitkannya atau diserahkan kepada pemegang polisi baru ada memberitahu mereka tentang kewujudan Biro Pengantaraan Kewangan dan Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran BNM, menurut Garis Panduan BNM/RH/CL 003-09 berkenaan Amalan Penyelesaian Tuntutan (Gabungan). Biro Pengantaraan Kewangan dan Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran BNM disediakan sebagai jalan alternatif kepada pemegang polisi untuk membetulkan ketidakadilan sekiranya berlaku amalan pasaran yang tidak adil.

Garis Panduan BNM BNM/RH/GL 003-06 berkenaan Garis panduan ke atas Amalan Tidak Adil dalam Perniagaan Insurans diterbitkan untuk menggalakkan piawaian ketelusan yang lebih tinggi, disiplin pasaran yang lebih baik dan kebertanggungjawaban dalam kelakuan perniagaan insurans untuk perlindungan pemegang polisi. Syarikat melaksanakan langkah-langkah pematuhan BNM/RH/GL 003-06 dengan penubuhan Unit Pengaduan Berpusat agar pelanggan ditawarkan khidmat yang lebih efektif dan adil.

Syarikat juga mengambil langkah yang sesuai untuk mematuhi keperluan pelaksanaan Garis Panduan BNM BNM/RH/GL 010-14 berkenaan Garis Panduan ke atas Pengenalan Produk Baru untuk Syarikat Insurans dan Pengendali Takaful yang mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2009 dan BNM/RH/GL 000-3 berkenaan Garis Panduan ke atas Ketelusan Produk dan Pendedahan.

(f) Pelaporan Kewangan

Para pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa rekod perakaunan disimpan dengan baik dan penyata kewangan Syarikat disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan ("FRS"), peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans dan Peraturan, 1996 serta keperluan berperaturan yang relevan.

MANFAAT PARA PENGARAH

Pada penghujung tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan di mana Syarikat menjadi pihak kepada, yang matlamatnya ialah untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

MANFAAT PARA PENGARAH (SAMB.)

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada pengarah yang menerima atau berhak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan dan boleh diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 22 & 27 dalam penyata kewangan dan penyata kewangan syarikat berkaitan atau gaji dan manfaat tetap kakitangan sepenuh masa syarikat berkaitan) akibat sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarah adalah ahli, atau dengan syarikat di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham-saham Syarikat dan syarikat-syarikat yang berkaitannya sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Syarikat Induk Muktamad

- Overseas-Chinese Banking Corporation Limited (“OCBC”)

	Bilangan Saham Biasa (Kepentingan Terus)			
	1 Januari 2010	Beli	Jual	31 Disember 2010
Tan Sri Dato' Nasruddin Bin Bahari	19,200	-	-	19,200
George Lee Lap Wah	55,024	86,011	59,000	82,035
Wong Ah Wah	11,715	4,041	-	15,756
David Wong Cheong Fook	28,762	3,103	-	31,865

	Pegangan Saham Biasa yang mana Pengarah dianggap mempunyai kepentingan*			
	1 Januari 2010	Dibenarkan	Digunakan	31 Disember 2010
George Lee Lap Wah	114,672	51,984	33,079	133,577
Wong Ah Wah	8,174	175	3,435	4,914

*Dianggap mempunyai kepentingan termasuk saham yang dibenarkan di bawah Rancangan Saham Tertunda OCBC dan hak pemerolehan di bawah Rancangan Pembelian Kakitangan OCBC.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH (SAMB.)**Syarikat Induk Muktamad****- Overseas-Chinese Banking Corporation Limited (“OCBC”)**

	Bilangan Saham Opsyen Biasa			31 Disember 2010
	1 Januari 2010	Dibenarkan	Digunakan	
George Lee Lap Wah	279,680	35,000	50,000	264,680
Wong Ah Wah	27,700	-	-	27,700

	Bilangan Saham Keutamaan			31 Disember 2010
	1 Januari 2010	Beli	Jual	
Saham Keutamaan Kelas E 4.5% Tidak Kumulatif Tidak Boleh Tukar				
George Lee Lap Wah - Kepentingan tidak langsung	200	-	-	200
Saham Keutamaan Kelas B 5.1% Tidak Kumulatif Tidak Boleh Tukar				
George Lee Lap Wah - Kepentingan tidak langsung	400	-	-	400

Syarikat Berkaitan**- OCBC Capital Corporation (2008)**

	Bilangan Saham Keutamaan 5.1% Terjamin Tidak Kumulatif Tidak Boleh Tukar			31 Disember 2010
	1 Januari 2010	Beli	Jual	
David Wong Cheong Fook - Kepentingan langsung	200	-	-	200

KEPENTINGAN PARA PENGARAH (SAMB.)**Syarikat Berkaitan
- OCBC Capital Corporation**

**Bilangan Saham Keutamaan OCBC OCC-A 3.93%
Terjamin Tidak Kumulatif Tidak Boleh Tukar**

	1 Januari 2010	Beli	Jual	31 Disember 2010
--	-------------------	------	------	---------------------

George Lee Lap Wah				
- Kepentingan tidak langsung	200	-	-	200

Selain daripada yang dinyatakan, tidak ada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai sebarang kepentingan dalam saham Syarikat atau syarikat berkaitannya sepanjang tahun kewangan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif Syarikat disediakan, para pengarah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya :
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sepatutnya diambil berkaitan dengan penghapusan kira hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu, serta berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa aset semasa yang nilainya mungkin tidak dapat direalisasikan di dalam rekod perakaunan dalam urusan biasa perniagaan dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dianggap boleh direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini dibuat, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menyebabkan :
- (i) jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu Syarikat tidak mencukupi dengan ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini dibuat, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada atas aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (d) Pada tarikh laporan ini dibuat, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan tersebut.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMB.)

(e) Pada tarikh laporan ini dibuat, tidak wujud :

- (i) sebarang gadaian ke atas aset Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (ii) sebarang liabiliti bersyarat Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan.

(f) Pada pendapat para pengarah:

- (i) tidak ada liabiliti bersyarat atau lain yang boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam jangka masa dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin akan menjejaskan secara berkesan keupayaan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya apabila tiba masanya kelak; dan
- (ii) tidak ada perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang timbul di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin menjejaskan keputusan pengendalian Syarikat dengan ketara bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Bagi tujuan perenggan (e) dan (f), liabiliti bersyarat atau lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak pengunderaitan insurans dalam perjalanan urusan niaga biasa Syarikat.

(g) Sebelum penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif disediakan, para pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa peruntukan secukupnya dibuat untuk liabiliti insurans selaras dengan kaedah penilaian yang dinyatakan di dalam Rangka Kerja Modal Berdasarkan Risiko untuk Penginsurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

PERISTIWA PENTING

Peristiwa-peristiwa penting Syarikat dinyatakan di dalam Nota 31 penyata kewangan.

91603-K

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young, menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan khidmatnya.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 14 Februari 2011.

TAN SRI DATO' NASRUDDIN BIN BAHARI TAN SRI DATO' WONG KUM CHOON

91603-K

**PENYATA PARA PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT,1965**

Kami, TAN SRI DATO' NASRUDDIN BIN BAHARI dan TAN SRI DATO' WONG KUM CHOON, selaku dua orang daripada para pengarah THE PACIFIC INSURANCE BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 25 hingga 86 telah disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia yang berkenaan agar memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2010 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 14 Februari 2011.

TAN SRI DATO' NASRUDDIN BIN BAHARI TAN SRI DATO' WONG KUM CHOON

**AKUAN BERKANUN
MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT,1965**

Saya, TAN SIEW HOCK, selaku Pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan THE PACIFIC INSURANCE BERHAD, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 25 hingga 86 adalah pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya
oleh TAN SIEW HOCK yang tersebut di atas
di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan pada
14 Februari 2011

TAN SIEW HOCK

Di hadapan saya:

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli
The Pacific Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Laporan berkenaan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan The Pacific Insurance Berhad, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2010, dan penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai untuk tahun yang berakhir tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan penting dan nota penerangan lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 25 hingga 86 .

Tanggungjawab pengarah ke atas penyata kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk merangka, melaksana dan memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan; memilih dan mengguna dasar perakaunan yang bersesuaian; dan dalam keadaan tertentu membuat anggaran perakaunan yang munasabah.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika serta disamping merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Syarikat dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli
The Pacific Insurance Berhad (samb.)
(Diperbadankan di Malaysia)**

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2010 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Laporan mengenai keperluan perundangan dan badan pengawasan lain

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa mengikut pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

Perkara lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Berkanun

Gloria Goh Ewe Gim
No. 1685/04/11 (J)
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur, Malaysia
14 Februari 2011

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan The Pacific Insurance Berhad yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli-ahli The Pacific Insurance Berhad yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

THE PACIFIC INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2010

	Nota	31.12.2010 RM	31.12.2009 RM	01.01.2009 RM
ASET				
Harta dan peralatan	3	901,788	1,153,840	1,493,261
Harta tanah pelaburan	4	652,298	766,831	791,273
Aset tak ketara	5	29,851	45,932	50,432
Pelaburan	6			
Sekuriti kerajaan Malaysia		40,657,543	40,373,149	19,037,698
Terbitan pelaburan kerajaan		5,046,823	5,156,500	10,202,000
Bon korporat		9,757,457	9,211,592	46,143,303
Pelaburan amanah saham		90,656,194	82,215,850	14,506,178
Sekuriti ekuiti		1,091,303	-	9,566,486
Dana pelaburan harta tanah		405,700	-	118,420
Deposit dengan institusi kewangan		92,747,175	85,620,789	117,629,871
Aset penginsurans semula	7	68,853,000	57,038,000	43,892,000
Insurans dan belum diterima lain	8	28,764,054	20,312,446	21,154,021
Pinjaman	9	2,052,045	2,737,392	3,147,555
Aset cukai tertunda	13	524,572	-	-
Cukai boleh pulih		4,117,354	2,639,436	270,799
Tunai dan baki bank		4,178,578	2,471,334	2,700,053
JUMLAH ASET		350,435,735	309,743,091	290,703,350
EKUITI DAN LIABILITI				
Modal saham	10	100,000,000	100,000,000	100,000,000
Rizab nilai berpatutan		1,494,611	(318,471)	(580,713)
Keuntungan tertahan		33,901,373	26,763,560	23,736,279
Jumlah ekuiti		135,395,984	126,445,089	123,155,566
Liabiliti kontrak insurans	12	189,291,000	166,690,000	152,375,000
Liabiliti cukai tertunda	13	-	10,415	307,664
Insurans dan belum dibayar lain	14	25,748,751	16,597,587	14,865,120
Jumlah liabiliti		215,039,751	183,298,002	167,547,784
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		350,435,735	309,743,091	290,703,350

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

THE PACIFIC INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Modal saham RM	Rizab nilai berpatutan RM	Keuntungan tertahan boleh agih RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	100,000,000	(580,713)	23,736,279	123,155,566
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun	-	262,242	3,027,281	3,289,523
Pada 31 Disember 2009	100,000,000	(318,471)	26,763,560	126,445,089
Pada 1 Januari 2010	100,000,000	(318,471)	26,763,560	126,445,089
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun	-	1,813,082	7,137,813	8,950,895
Pada 31 Disember 2010	100,000,000	1,494,611	33,901,373	135,385,984

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

THE PACIFIC INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Nota	2010 RM	2009 RM
Hasil kendalian	15	156,202,081	152,315,203
Premium terperoleh kasar	16(a)	146,897,626	144,264,487
Premium yang diserahkan kepada syarikat insurans semula	16(b)	(43,536,196)	(44,724,208)
Premium terperoleh bersih		103,361,430	99,540,279
Pendapatan pelaburan	17	9,304,455	8,050,716
Keuntungan dan kerugian direalisasikan	18	1,194,115	631,447
Nilai berpatutan keuntungan dan kerugian	19	223,636	3,136,735
Pendapatan fi dan komisen	20	10,001,564	11,122,207
Pendapatan kendalian lain		712,030	353,084
Pendapatan lain		21,435,800	23,294,189
Manfaat dan tuntutan dibayar kasar	21(a)	(72,754,971)	(95,285,524)
Tuntutan yang diserahkan kepada syarikat insurans semula	21(b)	9,238,216	25,280,431
Perubahan kasar dalam liabiliti kontrak	21(c)	(8,483,000)	(6,241,000)
Perubahan dalam liabiliti kontrak yang diserahkan kepada syarikat insurans semula	21(d)	3,809,000	5,585,000
Tuntutan bersih		(68,190,755)	(70,661,093)
Perbelanjaan fi dan komisen		(22,707,201)	(23,044,930)
Perbelanjaan pengurusan	22	(30,102,171)	(25,765,417)
Perbelanjaan kendalian lain		(5,931)	(47,649)
Perbelanjaan lain		(52,815,303)	(48,857,996)
Keuntungan sebelum cukai		3,791,172	3,315,379
Cukai	23	3,346,641	(288,098)
Keuntungan bersih untuk tahun		7,137,813	3,027,281
Perolehan sesaham (sen)			
Asas	24	7.1	3.0

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

THE PACIFIC INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	2010	2009
	RM	RM
Keuntungan bersih untuk tahun	7,137,813	3,027,281
Pendapatan komprehensif lain:		
Rizab nilai berpatutan tersedia untuk jualan		
Keuntungan bersih dalam tahun (Keuntungan)/kerugian) bersih direalisasikan dipindah ke Penyata Pendapatan	2,489,688	162,184
	<u>(72,245)</u>	<u>187,472</u>
	2,417,443	349,656
Kesan cukai seterusnya	<u>(604,361)</u>	<u>(87,414)</u>
	<u>1,813,082</u>	<u>262,242</u>
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun	<u>8,950,895</u>	<u>3,289,523</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

THE PACIFIC INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	2010	2009
	RM	RM
Aliran tunai daripada aktiviti pengendalian		
Keuntungan sebelum cukai	3,791,172	3,315,379
Pelarasan untuk:		
Susut nilai ke atas harta dan peralatan (Keuntungan)/kerugian ke atas pelupusan harta dan peralatan	381,557 (16,591)	504,238 5,822
Keuntungan ke atas pelupusan harta tanah pelaburan	(317,970)	-
Kerugian ke atas aset tak ketara	-	689
Hapus kira aset harta tanah dan peralatan	5,931	16,797
Hapus kira aset tak ketara	-	18
Perubahan dalam nilai berpatutan sekuriti dagangan	(223,636)	(3,136,735)
Susut nilai harta tanah pelaburan	22,503	24,442
Pelunasan aset tak ketara	16,775	23,670
(Keuntungan)/kerugian bersih atas jualan:		
- Sekuriti dagangan	(1,121,870)	(818,919)
- Sekuriti AFS	(72,245)	187,472
Pendapatan pelaburan	(9,304,455)	(8,050,716)
Pendapatan faedah lain	(63,032)	(100,101)
Perbelanjaan faedah	-	19
Hapus kira hutang lapuk, selepas kira pulih	53,297	749,701
Masuk kira semula dalam peruntukan hutang ragu	(262,128)	(1,020,343)
Keuntungan daripada pengendalian sebelum Perubahan dalam aset dan liabiliti kendalian	(7,110,692)	(8,298,567)
Pembelian pelaburan	(30,827,952)	(115,651,710)
Perolehan daripada pelupusan/kematangan pelaburan	23,786,518	82,239,476
Pengurangan pinjaman	685,347	410,163
Pengurangan aset penginsurans semula	(11,815,000)	(13,146,000)
Pengurangan insurans dan belum diterima lain	(7,955,561)	285,723
Pengurangan liabiliti kontrak insurans	22,601,000	14,315,000
Peningkatan insurans dan belum dibayar lain	9,151,164	1,896,762
Tunai digunakan dalam pengendalian	1,485,176	(37,949,153)
Pendapatan pelaburan diterima	9,616,782	8,815,672
Pendapatan faedah lain diterima	63,032	100,101
Perbelanjaan faedah dibayar	-	(19)
Cukai pendapatan dibayar	(1,674,163)	(3,000,000)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti pengendalian	2,432,694	-
	8,953,169	(32,033,399)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMB.)**

	2010 RM	2009 RM
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Pembelian harta dan peralatan	(138,817)	(264,917)
Pembelian aset tak ketara	(694)	(19,318)
Perolehan daripada pelupusan harta dan peralatan	17,972	79,833
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<u>(119,539)</u>	<u>(204,402)</u>
Peningkatan/(pengurangan) bersih tunai dan kesetaraan tunai	8,833,630	(32,237,801)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan	<u>88,092,123</u>	<u>120,329,924</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	<u>96,925,753</u>	<u>88,092,123</u>
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:		
Deposit tetap dan panggilan di institusi kewangan berlesen	92,747,175	85,620,789
Wang tunai dan baki di bank	4,178,578	2,471,334
	<u>96,925,753</u>	<u>88,092,123</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2010**

1. MAKLUMAT KORPORAT

Aktiviti utama Syarikat adalah pengunderaitan perniagaan insurans am. Tidak terdapat sebarang perubahan penting dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Tempat utama perniagaan Syarikat terletak di Aras 6, Menara Prudential, No.10, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Syarikat merupakan anak syarikat milik penuh PacificMas Berhad ("PacificMas"), sebuah syarikat awam liabiliti berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, sehingga 30 Disember 2010. Syarikat induk muktamad ialah Overseas-Chinese Banking Corporation Limited, sebuah syarikat senaraian awam yang diperbadankan di Singapura, sehingga 30 Disember 2010.

Pada 3 Disember 2010, PacificMas memasuki perjanjian jualan saham ("SSA") untuk melupuskan 100% kepentingan ekuiti di dalam Syarikat kepada Fairfax Asia Limited. SSA tersebut menjadi tidak bersyarat pada 30 Disember 2010 selepas mendapat kelulusan pelupusan tersebut daripada pemegang saham PacificMas. Oleh demikian, PacificMas tidak lagi dianggap syarikat induk dan OCBC tidak lagi dianggap syarikat induk muktamad Syarikat pada 31 Disember 2010

Penyata kewangan ini diluluskan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para pengarah bertarikh 14 Februari 2011.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Persediaan

Penyata kewangan Syarikat disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan ("FRS"), Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans dan Peraturan, 1996, dan Garis Panduan / Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Pada permulaan tahun kewangan semasa, Syarikat mengguna pakai FRS baru dan di semak semula yang mandatori untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010 seperti yang diterangkan dengan sepenuhnya di dalam Nota 2.4.

Penyata kewangan syarikat juga disediakan menurut konvensyen kos bersejarah, kecuali untuk instrumen kewangan yang diukur pada nilai berpatutan dan liabiliti insurans yang diukur menurut kaedah penilaian yang dinyatakan di dalam Rangka Kerja Modal Berdasarkan Risiko ("RBC") untuk penginsurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.1 Asas Persediaan (samb.)

Syarikat telah memenuhi ketetapan modal minimum seperti yang ditetapkan oleh RBC pada tarikh kunci kira-kira.

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersih dilaporkan di dalam penyata kedudukan kewangan hanya sekiranya terdapat hak boleh dikuatkuasakan secara undang-undang untuk mengimbangi jumlah yang diiktiraf dan terdapat niat untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan menjelaskan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak akan diimbangi di dalam penyata kewangan kecuali diperlukan atau dibenarkan oleh sebarang piawaian atau tafsiran perakaunan, seperti yang dinyatakan dengan jelas di dalam dasar kewangan Syarikat.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting

(a) Harta dan peralatan dan susut nilai

Semua harta dan peralatan pada permulaannya dicatatkan pada kos. Kos lanjutan dimasukkan dalam nilai dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, seperti mana sesuai, hanya bila terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan akan mengalir kepada Syarikat dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Nilai dibawa bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan akan dicaj ke penyata pendapatan dalam tempoh kewangan yang mana ia ditanggung.

Selepas pengiktirafan, harta dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian susut nilai terkumpul. Dasar untuk pengiktirafan dan penyukatan kerugian ketaksempurnaan adalah selaras dengan Nota 2.2 (d).

Susut nilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat penggunaannya pada kadar tahunan seperti berikut:

Pengubahsuaian pejabat	33 ¹ / ₃ %
Kenderaan bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	10%
Peralatan pejabat	10%
Komputer	20%-50%

Kadar susut nilai sebanyak 50% dikenakan ke atas komputer riba yang dipinjamkan kepada agen Syarikat.

Kaedah baki nilai, hayat berguna dan susut nilai dikaji pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan jumlah, kaedah dan tempoh susut nilai adalah selari dengan jangkaan sebelumnya dan jangkaan penggunaan manfaat ekonomi akan datang dalam item harta dan peralatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(a) Harta dan peralatan dan susut nilai (samb.)

Item harta atau peralatan dinyahiktiraf selepas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa akan datang dijangka akan diperolehi daripada penggunaan atau pelupusan. Perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(b) Pelaburan harta tanah

Harta tanah yang dipegang untuk hasil sewa jangka panjang atau peningkatan modal atau kedua-duanya dikelaskan sebagai harta tanah pelaburan.

Harta tanah pelaburan pada permulaannya diiktiraf pada kos, termasuk kos urus niaga berkaitan. Selepas pengiktirafan permulaan, harta tanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian ketaksempurnaan terkumpul. Dasar untuk pengiktirafan dan penyukatan kerugian ketaksempurnaan adalah selaras dengan Nota 2.2 (d).

Susut nilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus bahagi jumlah hayat berguna selama 50 tahun untuk harta tanah pelaburan. Baki nilai dan hayat berguna dikaji, dan diselaraskan sekiranya perlu, pada setiap akhir tempoh pelaporan.

Pelaburan harta dinyahiktiraf samada apabila ia dilupuskan atau apabila harta pelaburan tidak lagi digunakan secara tetap dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugiannya dalam persaraan atau pelupusan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun yang mana ia berlaku.

(c) Aset tak ketara

Aset tak ketara Syarikat terdiri daripada perisian komputer.

Aset tak ketara yang diperolehi secara berasingan diukur pada pengiktirafan permulaan pada kos. Selepas pengiktirafan permulaan, aset tak ketara dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian ketaksempurnaan terkumpul. Dasar untuk pengiktirafan dan penyukatan kerugian ketaksempurnaan adalah selaras dengan Nota 2.2 (d).

Perisian komputer dilunaskan mengikut kaedah garis lurus dibahagi jangka hayat berguna anggaran sebanyak lima tahun dan dinilai untuk ketaksempurnaan apabila terdapat penunjuk bahawa aset tak ketara tersebut mungkin mengalami ketaksempurnaan

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(d) Ketaksempurnaan aset bukan kewangan

Pada setiap akhir tempoh pelaporan, Syarikat mengkaji semula jumlah dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa penunjuk ketaksempurnaan. Jika sebarang penunjuk wujud, nilai boleh pulih aset dianggarkan untuk menentukan jumlah kerugian ketaksempurnaan.

Untuk menguji ketaksempurnaan aset, nilai boleh pulih ditentukan pada asas aset individu kecuali sekiranya aset tidak menjanakan aliran tunai yang sebahagian besarnya tidak bergantung pada yang dijanakan oleh aset lain. Sekiranya ini berlaku, nilai boleh pulih ditentukan untuk unit penjanaan tunai ("CGU") yang mana memiliki aset tersebut.

Nilai boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada aset atau nilai berpatutan CGU tolak kos jualan dan nilai penggunaannya. Dalam penentuan nilai penggunaannya, unjuran aliran tunai masa hadapan didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa nilai waktu tunai dan risiko spesifik kepada asetnya. Sekiranya, jumlah dibawa aset adalah lebih tinggi daripada nilai boleh pulih, aset tersebut dianggap tidak sempurna dan dikurangkan nilai kepada nilai boleh pulih. Kerugian ketaksempurnaan diiktiraf berhubung CGU diperuntukkan untuk mengurangkan jumlah dibawa aset dalam unit atau kumpulan unit mengikut asas pro-rata.

Kerugian ketaksempurnaan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang mana ia berlaku. Pembalikan kerugian ketaksempurnaan berlaku hanya apabila terdapat penukaran dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan nilai boleh pulih sejak kerugian ketaksempurnaan terakhir diiktiraf. Jumlah dibawa aset ditingkatkan kepada nilai boleh pulih sekiranya jumlah ini tidak melebihi jumlah dibawa yang ditentukan (selepas pelunasan atau susut nilai) sekiranya tiada kerugian ketaksempurnaan yang diiktiraf untuk aset itu dalam tahun-tahun sebelum ini. Pembalikan kerugian ketaksempurnaan untuk aset diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(e) Pelaburan dan aset kewangan lain

(i) Pengiktirafan awal

Syarikat mengelaskan pelaburannya sebagai aset kewangan kepada nilai berpatutan melalui keuntungan atau kerugian ("FVTPL"), pinjaman dan belum diterima lain ("LAR"), aset kewangan dipegang sehingga matang ("HTM") dan aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS").

Syarikat menentukan pengelasan pelaburan pada pengiktirafan awal. Syarikat pada permulaannya mengiktiraf aset kewangan termasuk wang dan deposit jangka pendek, pinjaman dan belum terima lain apabila ia menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(e) Pelaburan dan aset kewangan lain (samb.)

(i) Pengiktirafan awal (samb.)

Semua belian dan jualan aset kewangan melalui cara biasa dengan penghantaran aset di dalam tempoh yang ditetapkan oleh peraturan atau kebiasaan pasaran diiktiraf pada tarikh penjelasan.

(ii) Pengukuran seterusnya

Pengukuran seterusnya aset kewangan bergantung pada pengelasan seperti berikut:

FVTPL

Aset kewangan pada nilai berpatutan melalui keuntungan atau kerugian termasuk aset kewangan yang dipegang untuk dagangan dan aset kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal pada nilai berpatutan melalui keuntungan atau kerugian. Aset kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan sekiranya aset tersebut diperolehi untuk tujuan jualan dalam masa terdekat. Aset kewangan pada nilai berpatutan melalui keuntungan atau kerugian dibawa di dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai berpatutan dengan keuntungan atau kerugian yang diambil kira di dalam penyata pendapatan.

LAR

Pinjaman dan belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau ditentukan yang tidak disebut di pasaran aktif. LAR Syarikat terdiri daripada deposit tetap dan panggilan di institusi kewangan berlesen.

HTM

Pelaburan dipegang hingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau ditentukan dan kematangan tetap yang mana pihak pengurusan Syarikat mempunyai niat positif dan kebolehan untuk memegang sehingga kematangan. Aset yang dibawa pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, tolak sebarang kerugian ketaksempurnaan. Keuntungan atau kerugian adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila pelaburan dinyahiktiraf atau tidak sempurna, dan juga melalui proses pelunasan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(e) Pelaburan dan aset kewangan lain (samb.)

(ii) Pengukuran seterusnya (samb.)

AFS

Aset kewangan tersedia untuk jualan (“AFS”) merupakan aset kewangan bukan derivatif yang ditentukan sebagai tersedia untuk jualan atau tidak dikelaskan di dalam mana-mana tiga kategori sebelum ini. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersedia untuk jualan diukur pada nilai berpatutan dengan keuntungan atau kerugian tidak terealis yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti sehingga pelaburan tersebut dinyahiktiraf, yang mana keuntungan atau kerugian kumulatif yang dicatatkan di dalam ekuiti diiktiraf di dalam penyata pendapatan, atau ditentukan sebagai taksempurna, yang mana pada masa itu kerugian kumulatif yang dicatatkan di dalam ekuiti diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(f) Nilai berpatutan instrumen kewangan

Semua instrumen kewangan diiktiraf pada permulaan pada harga urus niaga, yang mana merupakan penunjuk terbaik untuk nilai berpatutan. Nilai berpatutan instrumen kewangan yang didagangkan secara aktif di dalam pasaran kewangan terurus ditentukan dengan merujuk kepada harga bida pasaran yang disebut pada penutup perniagaan pada akhir tempoh pelaporan. Untuk instrumen kewangan yang mana tidak ada pasaran aktif seperti sekuriti tidak disebut, nilai berpatutan ditentukan berdasarkan sebutan oleh broker bebas.

(g) Ketaksempurnaan aset kewangan

Syarikat menaksir pada setiap akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau kumpulan aset kewangan adalah tidak sempurna. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan dianggap tidak sempurna sekiranya, dan hanya sekiranya, terdapat bukti objektif bahawa ketaksempurnaan merupakan hasil satu atau lebih kejadian yang terjadi selepas pengiktirafan awal aset (terjadi ‘kejadian kerugian’) dan kejadian kerugian mempunyai kesan terhadap anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggar dengan pasti.

(i) Pinjaman dan belum diterima

Bukti ketaksempurnaan dianggap di kedua tahap spesifik dan kolektif, dan mungkin termasuk tanda-tanda bahawa penghutang atau kumpulan penghutang sedang mengalami masalah kewangan yang ketara, kemungkiran atau delinkuens dalam bayaran faedah atau pokok, yang mana kemungkinan bahawa mereka atau diisytiharkan muflis atau penyusunan semula kewangan dan yang mana data yang boleh dilihat menunjukkan bahawa terdapat kemerosotan boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan, seperti perubahan di dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang berhubung kait dengan kemungkiran.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(g) Ketaksempurnaan aset kewangan (samb.)

(i) Pinjaman dan belum diterima (samb.)

Peruntukan spesifik ditentukan apabila nilai semasa aliran tunai boleh pulih masa hadapan untuk pinjaman dan belum diterima tidak sempurna adalah lebih rendah daripada nilai dibawa. Pada tahap kolektif, peruntukan portfolio diuntukkan untuk pinjaman dan belum diterima tidak sempurna pada kadar kerugian bersejarah dan keadaan ekonomi pada akhir tempoh pelaporan.

Jumlah dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Pinjaman dan belum diterima dihapus kira apabila tidak terdapat prospek realistik pemulihan masa hadapan. Sekiranya, dalam tahun akan datang, jumlah anggaran kerugian ketaksempurnaan meningkat atau menurun disebabkan kejadian yang berlaku selepas ketaksempurnaan itu diiktiraf, kerugian ketaksempurnaan yang diiktiraf sebelum ini dinaikkan atau dikurangkan dengan melaraskan akaun peruntukan. Sekiranya hapus kira masa hadapan dapat dipulihkan kemudian, pemulihan itu diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(ii) Belum diterima lain

Kajian semula semua jumlah yang belum dijelaskan dilakukan pada akhir tempoh pelaporan. Peruntukan spesifik untuk hutang ragu dikaji secara individu dan ditentukan secara spesifik sama ada hutang lapuk atau ragu. Jumlah dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Hutang lapuk dihapus kira apabila dianggap tidak dapat dipulihkan. Sekiranya hapus kira dipulihkan kemudian, pemulihan itu diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(iii) Aset kewangan bukan derivatif lain

Ketaksempurnaan aset kewangan bukan derivatif lain dikira pada perbezaan di antara nilai dibawa aset dan anggaran jumlah boleh pulih. Untuk sekuriti ekuiti disebut dan tidak disebut, dan pelaburan amanah saham yang dikelaskan sebagai tersedia untuk jualan, apabila terdapat kemerosotan ketara atau panjang dalam nilai berpatutan aset di bawah kos, kerugian kumulatif (dikira sebagai perbezaan di antara kos pemerolehan dan nilai berpatutan semasa, tolak sebarang kerugian ketaksempurnaan ke atas aset yang sebelum ini diiktiraf di dalam penyata pendapatan) akan dikeluarkan daripada rizab nilai berpatutan di dalam ekuiti dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(g) Ketaksempurnaan aset kewangan (samb.)

(iii) Aset kewangan bukan derivatif lain (samb.)

Kerugian ketaksempurnaan ke atas pelaburan ekuiti yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan tidak akan dibalikkan di dalam penyata pendapatan, sehingga pelaburan dilupakan. Untuk pelaburan hutang, pembalikan kerugian ketaksempurnaan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(h) Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak berkontrak Syarikat kepada aliran tunai daripada aset kewangan luput atau apabila Syarikat memindahkan aset kewangan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut.

(i) Kos pelunasan

Kos pelunasan dikira menggunakan kaedah faedah efektif tolak peruntukan untuk ketaksempurnaan dan pembayaran semula atau pengurangan pokok. Pengiraan mengambil kira premium atau diskaun terhadap pemerolehan dan termasuk kos urus niaga dan fi yang merupakan sebahagian penting kadar faedah efektif.

(j) Instrumen Ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti di dalam penyata kedudukan kewangan.

Dividen ke atas saham biasa diiktiraf dan dicerminkan di dalam penyata perubahan ekuiti di dalam tempoh yang mana ia diisytiharkan.

(k) Pengelasan produk

Syarikat mengeluarkan kontrak yang memindahkan risiko insurans sahaja.

Risiko kewangan ialah risiko kemungkinan perubahan masa hadapan di dalam satu atau lebih kadar faedah spesifik, harga instrumen kewangan, harga komoditi, kadar tukaran asing, indeks harga atau kadar, penarafan kredit atau indeks kredit atau pemboleh ubah lain, kecuali dalam kes pemboleh ubah bukan kewangan yang mana pemboleh ubah tidak spesifik kepada pihak di dalam kontrak. Risiko insurans ialah risiko selain daripada risiko kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(k) Pengelasan produk (samb.)

Kontrak insurans merupakan kontrak yang memindahkan risiko insurans ketara. Kontrak insurans ialah kontrak yang mana Syarikat (penginsurans) menerima risiko insurans ketara daripada pihak lain (pemegang polisi) dengan menyetujui untuk memberi pampasan kepada pemegang polisi sekiranya sesuatu kejadian masa hadapan yang belum ditentukan (kejadian diinsuranskan) memberikan kesan buruk kepada pemegang polisi. Sebagai garis panduan am, Syarikat menentukan sama ada akan terdapat risiko insurans ketara, dengan membandingkan manfaat yang dibayar dengan manfaat belum dibayar sekiranya kejadian diinsuranskan tidak berlaku.

Kontrak pelaburan adalah kontrak yang tidak memindahkan risiko insurans bermakna.

Setelah kontrak dikelaskan sebagai kontrak insurans, ia akan kekal sebagai kontrak insurans untuk baki hayat, walaupun risiko insurans dikurangkan dengan ketara dalam tempoh ini, kecuali semua hak dan kewajipan dilunaskan atau luput. Kontrak insurans boleh, walau bagaimanapun, dikelaskan semula sebagai kontrak insurans selepas dimulakan sekiranya risiko insurans menjadi ketara.

Insurans dan kontrak pelaburan dikelaskan seterusnya sama ada sebagai atau tanpa ciri-ciri penyertaan amanah budi bicara ("DPF"). DPF ialah hak berkontrak untuk menerima, sebagai tambahan kepada manfaat terjamin, manfaat tambahan.

Syarikat tidak mempunyai kontrak pelaburan dan kontrak insurans yang dikeluarkan tidak mengandungi DPF.

(l) Insurans Semula

Syarikat menyerahkan risiko insurans dalam urusan biasa perniagaan untuk semua perniagaannya. Aset insurans semula mewakili baki yang patut diterima daripada syarikat insurans semula. Jumlah boleh pulih daripada insurans semula dianggarkan dalam cara yang konsisten dengan peruntungan tuntutan yang belum dijelaskan atau tuntutan sudah dibayar yang berkaitan dengan polisi insurans semula dan adalah menurut kontrak insurans semula berkaitan.

Pengurusan insurans semula yang diserahkan tidak melepaskan Syarikat daripada obligasi kepada pemegang polisi. Premium dan tuntutan dibentangkan pada asas kasar untuk insurans semula yang diserahkan dan dipikul.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(l) Insurans Semula (samb.)

Aset insurans semula dikaji untuk ketaksempurnaan pada setiap tarikh pelaporan atau lebih kerap apabila terdapat penunjuk bahawa ketaksempurnaan timbul dalam tempoh pelaporan. Ketaksempurnaan berlaku apabila terdapat bukti objektif hasil kejadian yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset penginsurans semula yang mana Syarikat mungkin tidak menerima semua jumlah yang belum dijelaskan yang patut diterima di bawah terma kontrak dan kejadian tersebut mempunyai kesan yang dapat diukur dengan pasti ke atas jumlah yang mana Syarikat akan menerima daripada penginsurans semula. Kerugian ketaksempurnaan dicatatkan di dalam penyata pendapatan.

Keuntungan atau kerugian ke atas pembelian insurans semula diiktiraf di dalam penyata pendapatan dengan serta-merta pada tarikh pembelian dan tidak dilunaskan.

Syarikat juga memikul risiko insurans semula di dalam urus niaga biasa perniagaan untuk kontrak insurans am apabila berkenaan.

Premium dan tuntutan ke atas insurans semula yang dipikul diiktiraf sebagai hasil atau perbelanjaan dalam cara yang sama seperti jika insurans semula dianggap perniagaan terus, dan mengambil kira pengelasan produk perniagaan insurans semula. Liabiliti insurans semula mewakili baki yang perlu dibayar kepada syarikat insurans semula. Jumlah belum dibayar dianggap dalam cara yang konsisten dengan kontrak penginsurans semula yang berkaitan.

Aset atau liabiliti insurans semula dinyahiktiraf apabila hak berkontrak dilunaskan atau luput atau apabila kontrak tersebut dipindahkan kepada pihak lain.

(m) Hasil pengunderaitan

Hasil pengunderaitan insurans am ditentukan untuk setiap kelas perniagaan, setelah mengambil kira insurans semula, premium tak terperoleh, komisen dan tuntutan yang ditanggung.

(i) Pendapatan premium

Pendapatan premium daripada perniagaan terus diiktiraf dalam tahun kewangan selepas pengeluaran nota debit premium. Premium berkaitan risiko yang bermula sebelum tarikh pelaporan untuk polisi yang dikeluarkan selepas tarikh pelaporan diakru pada akhir tempoh pelaporan.

Premium triti insurans semula yang diterima diiktiraf berdasarkan maklumat berkala yang diterima daripada syarikat pengesid penginsurans.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(m) Hasil pengunderaitan

(ii) Liabiliti premium

Liabiliti premium dilaporkan pada takat lebih tinggi agregat rizab premium tidak terperoleh (“UPR”) untuk semua bidang perniagaan dan nilai anggaran rizab risiko belum luput (“URR”) penginsurans pada akhir tahun kewangan dan peruntukan margin risiko untuk pelencongan ketara (“PRAD”) yang dikira pada tahap keyakinan 75% pada tahap keseluruhan Syarikat. Nilai anggaran terbaik ialah anggaran prospektif bayaran masa hadapan yang dijangkakan daripada perkara akan datang yang diinsuranskan di bawah polisi yang berkuat kuasa pada akhir tahun kewangan termasuk peruntukan untuk perbelanjaan penginsurans.

(a) Rizab risiko belum luput

URR merupakan anggaran prospektif bayaran masa hadapan yang dijangkakan daripada perkara akan datang yang diinsuranskan di bawah polisi yang berkuat kuasa pada akhir tahun kewangan termasuk peruntukan untuk perbelanjaan, termasuk overhead dan kos insurans semula, yang dijangka akan ditanggung dalam tempoh belum luput semasa mentadbirkan polisi dan menyelesaikan tuntutan relevan, dan pengembalian premium masa hadapan yang dijangka.

(b) Rizab premium tidak terperoleh

UPR jangka pendek merupakan bahagian premium bersih polisi-polisi insurans yang berhubung dengan tempoh polisi yang belum luput pada akhir tahun kewangan.

Dalam menentukan UPR pada tarikh pelaporan, kaedah yang paling tepat menggambarkan liabiliti sebenar adalah digunakan seperti berikut:

- kaedah 25% untuk perniagaan marin, kargo udara dan transit
- kaedah 1/24 untuk semua kelas lain perniagaan am polisi Malaysia dengan kadar potongan seperti di bawah, atau komisen kena bayar sebenar, yang mana lebih rendah

- Motor dan bon	10%
- Kebakaran, kejuruteraan, udara dan kapal marin	15%
- Perubatan	10 – 15%
- Kelas lain	25%
- kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan triti insurans semula diterima dari luar negara, dengan potongan sebanyak 20% untuk komisen

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(m) Hasil pengunderaitan (samb.)

(iii) Liabiliti premium (samb.)

(b) Rizab premium tidak terperoleh (samb.)

- polisi-polisi bukan tahunan diperuntukkan mengikut dasar masa di sepanjang tempoh risiko

UPR jangka panjang mewakili bahagian premium bersih polisi insurans jangka panjang yang dimasukkan, yang berhubung dengan tempoh polisi yang belum luput pada akhir tahun kewangan. Pendapatan premium diiktiraf pada dasar masa sepanjang polisi.

(iii) Liabiliti tuntutan

Liabiliti tuntutan diiktiraf sebagai obligasi membuat bayaran akan datang berkaitan tuntutan yang ditanggung pada akhir tahun kewangan. Ia diiktiraf untuk insurans terus dan insurans semula dalaman. Nilainya adalah anggaran terbaik untuk nilai tuntutan yang termasuk perbelanjaan berkaitan, tuntutan yang bertanggung tetapi tidak cukup dilaporkan ("IBNER") dan bertanggung tetapi belum dilaporkan ("IBNR") dan perbelanjaan berkaitan tuntutan terus dan tidak terus termasuk PRAD pada tahap keyakinan 75% yang dikira pada tahap keseluruhan Syarikat. Ini adalah berdasarkan kepada penilaian aktuari oleh seorang aktuari berkeelayakan, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik, yang antara lain, berdasarkan corak perkembangan tuntutan sebenar.

(iv) Kos perolehan

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans, ditolak pendapatan yang diterima daripada premium insurans semula yang diserahkan diiktiraf apabila ditanggung dan diperuntukkan sewajarnya kepada tempoh masa dalam mana pendapatan berkemungkinan akan diperolehi.

(n) Belum diterima insurans

Belum diterima insurans diiktiraf apabila perlu dibayar dan diukur pada nilai berpatutan pertimbangan yang diterima dan belum diterima.

Sekiranya terdapat bukti objektif bahawa belum diterima insurans adalah tidak sempurna, Syarikat mengurangkan nilai dibawa belum terima insurans dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian ketaksempurnaan di dalam untung atau rugi. Syarikat mengumpul semua bukti objektif bahawa belum terima insurans adalah tidak sempurna menggunakan proses dan cara yang sama seperti di dalam Nota 2.2 (g).

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(o) Liabiliti kontrak insurans

Liabiliti kontrak insurans diiktiraf apabila kontrak ditandatangani dan premium dicaj.

Liabiliti ini terdiri daripada peruntukan tuntutan belum dibayar dan peruntukan untuk premium belum diperoleh.

Peruntukan tuntutan belum dibayar adalah berdasarkan anggaran kos muktamad semua tuntutan yang ditanggung tetapi belum lagi dijelaskan pada akhir tempoh pelaporan, sama ada dilaporkan atau tidak, bersama kos pengendalian tuntutan berkaitan dan pengurangan nilai belanja dan pemulihan lain. Penundaan boleh dialami dalam pemberitahuan dan penyelesaian beberapa jenis tuntutan tertentu, dan oleh demikian, kos muktamad tuntutan ini tidak dapat diketahui dengan pasti pada akhir tempoh pelaporan. Liabiliti dikira pada akhir tempoh pelaporan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan aktuari standard berdasarkan data empirik dan anggapan semasa yang mungkin termasuk margin untuk pelencongan ketara. Liabiliti tidak ditolak untuk nilai masa wang. Tiada peruntukan untuk rizab pengimbangan atau malapetaka diiktiraf. Liabiliti dinyahiktiraf apabila kontrak luput, ditamatkan atau dibatalkan.

Peruntukan untuk premium tidak terperoleh mewakili premium yang diterima untuk risiko yang belum lagi luput. Secara am, rizab ini dilepaskan dalam tempoh kontrak dan diiktiraf sebagai pendapatan premium.

Pada setiap tarikh pelaporan, Syarikat mengkaji risiko belum luput dan ujian kecukupan liabiliti dilakukan untuk menentukan sama ada terdapat kelebihan keseluruhan tuntutan jangkaan dan kos pengambilalihan tertunda terhadap premium tidak terperoleh. Pengiraan ini menggunakan anggaran semasa aliran tunai berkontrak masa hadapan (menggunakan pertimbangan nisbah kerugian semasa) selepas mengambil kira pulangan pelaburan yang dijangka akan wujud ke atas aset yang berkaitan dengan peruntukan teknikal insurans am yang berkaitan. Sekiranya anggaran menunjukkan bahawa nilai dibawa premium tidak terperoleh tolak kos pengambilalihan tertunda tidak mencukupi, kekurangan ini diiktiraf di dalam penyata pendapatan dengan menyediakan peruntukan untuk kecukupan liabiliti.

(p) Pengiktirafan hasil yang lain

Hasil diiktiraf kepada tahap yang mana manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusan niaga tersebut berkemungkinan akan mengalir ke syarikat dan jumlah hasil dapat dinilai dengan pasti.

(i) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf pada asas akruan menurut kandungan perjanjian yang berkaitan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(p) Pengiktirafan hasil yang lain (samb.)

(ii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf pada asas akruan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iii) Pendapatan dividen kasar/agihan daripada dana amanah saham

Pendapatan dividen kasar/agihan daripada dana amanah saham diiktiraf pada asas terisytihar apabila hak pemegang saham/unit untuk menerima bayaran ditentukan.

(iv) Keuntungan/kerugian direalisasikan bersih ke atas pelaburan

Selepas pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan nilai di bawanya akan dicaj atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

(q) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan ke atas untung atau rugi untuk sesuatu tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan akan dibayar yang dijangka bagi keuntungan akan dikenakan cukai tahun itu dan dikira menggunakan kadar cukai yang termaktub pada akhir tempoh laporan.

Cukai tertunda diperuntukkan, menurut kaedah liabiliti. Secara dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara akan dikenakan cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan ke sesuatu tahap di mana wujudnya kemungkinan keuntungan akan dikenakan cukai boleh ditolak dengan perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara itu timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam suatu urusan niaga yang mana, tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai pada masa urusan niaga tersebut.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan ketika aset direalisasikan atau liabiliti dilangsaikan, berdasarkan kepada kadar cukai yang dimaktubkan pada akhir tempoh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam penyata pendapatan bagi tempoh tersebut, kecuali bila ia timbul daripada satu urusan niaga yang diiktiraf terus di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga diiktiraf terus di dalam ekuiti.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

(r) Manfaat pekerja

(i) Faedah-faedah jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Syarikat. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja menambahkan hak ke atas ketidakhadiran berbayar masa hadapan mereka. Ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman tetap

Pelan caruman tetap merupakan pelan manfaat selepas penggajian yang mana Syarikat membayar caruman tetap ke dalam entiti berasingan dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau membina. Syarikat membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan secara sukarela. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

(s) Mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga. Pada akhir tempoh pelaporan, item monetari mata wang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut. Semua perbezaan pertukaran mata wang asing diambil kira dalam akaun untung rugi/hasil.

(t) Liabiliti kewangan dan belum dibayar insurans lain

Liabiliti dan belum dibayar lain diiktiraf apabila perlu dibayar dan diukur pada pengiktirafan awal pada nilai berpatutan pertimbangan yang diterima tolak kos urus niaga yang berpunca terus.

(u) Tunai dan kesetaraan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dan baki bank, dan deposit tetap dan panggilan di institusi kewangan.

Penyata aliran tunai telah disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting

Penyediaan penyata kewangan memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Pihak pengurusan juga perlu menggunakan pertimbangannya dalam proses penggunaannya dalam dasar perakaunan Syarikat. Bidang ini melibatkan pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi tahapnya, atau bidang di mana pertimbangan dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan.

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan dan adalah berdasarkan pengalaman bersejarah dan faktor lain, termasuk jangkaan perkara masa hadapan yang dianggapan munasabah dalam keadaan tersebut.

(a) Pertimbangan kritikal dalam penggunaan dasar perakaunan syarikat

Dalam proses penggunaan dasar perakaunan Syarikat, yang diterangkan di atas, pihak pengurusan berpendapat bahawa tidak ada keadaan pertimbangan yang dijangka akan memberikan kesan kewangan penting kepada jumlah dan baki yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran dan anggapan

Syarikat membuat anggaran dan anggapan mengenai masa hadapan. Keputusan anggaran perakaunan akan, mengikut pentakrifannya, sentiasanya jarang sama dengan keputusan sebenar berkaitan. Anggaran dan anggapan yang mempunyai risiko penting dalam menyebabkan pelarasan penting dalam jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibentangkan di bawah:

(i) Penilaian liabiliti kontrak insurans

Untuk kontrak insurans, anggaran perlu dibuat untuk kos muktamad yang dijangka untuk tuntutan yang dilaporkan pada akhir tempoh pelaporan dan kos muktamad yang dijangka untuk tuntutan yang terjadi tetapi belum dilaporkan ("IBNR") pada akhir tempoh pelaporan.

Terdapat kemungkinan bahawa akan terdapat tempoh yang agak lama sebelum kos tuntutan muktamad boleh dipastikan dan untuk beberapa jenis polisi, tuntutan IBNR merupakan majoriti liabiliti tuntutan. Kos muktamad tuntutan yang belum dijelaskan dianggarkan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan aktuari standard, seperti kaedah Link Ratio dan Bornheutter-Ferguson.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting (samb.)

(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran dan anggapan (samb.)

(i) Penilaian liabiliti kontrak insurans (samb.)

Anggapan utama yang menyokong teknik ini ialah bahawa pengalaman perkembangan tuntutan syarikat terdahulu boleh digunakan untuk mengunjurkan perkembangan tuntutan dan dengan demikian, kos tuntutan muktamad. Oleh itu, kaedah ini membuat penentuan luar perkembangan kerugian dibayar dan ditanggung, kos purata setiap tuntutan dan jumlah tuntutan berdasarkan perkembangan yang dilihat dari tahun-tahun yang lepas dan nisbah kerugian jangkaan. Perkembangan tuntutan bersejarah dianalisis terutamanya mengikut tahun kemalangan, tetapi juga boleh dianalisis selanjutnya mengikut kawasan geografi, dan juga bidang perniagaan utama dan jenis tuntutan. Tuntutan besar biasanya diberi tumpuan berasingan, sama ada pada rizab nilai muka anggaran ajuster kerugian atau diunjurkan secara berasingan bagi mencerminkan perkembangan masa hadapan. Dalam banyak kejadian, tiada anggapan jelas dibuat mengenai kadar inflasi tuntutan atau nisbah kerugian masa hadapan. Sebaliknya, anggapan yang digunakan adalah tersirat di dalam data perkembangan tuntutan bersejarah yang mana unjuran didasarkan. Pertimbangan kualitatif tambahan digunakan untuk menaksir takat yang mana trend sebelum ini tidak berkenaan dengan masa hadapan (contohnya, untuk mencerminkan kejadian sekali, perubahan dalam faktor luar atau pasaran seperti sikap awam terhadap tuntutan, keadaan ekonomi, tahap inflasi tuntutan, keputusan kehakiman dan undang-undang, serta faktor dalaman seperti gabungan portfolio, ciri-ciri dasar dan prosedur pengendalian tuntutan) agar dapat menyimpulkan anggaran kos muktamad tuntutan yang mewakili akibat daripada pelbagai akibat yang mungkin berlaku, selepas mengambil kira semua ketidakpastian yang terlibat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar perakaunan dan kesan daripada pengamalan FRS baru dan disemak semula

Dasar perakaunan penting yang diguna pakai adalah selaras dengan yang digunakan dalam penyata kewangan tahunan beraudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, kecuali yang diguna pakai berikutan FRS baru/semakan berikut, pindaan kepada FRS dan Tafsiran Jawatankuasa Terbitan ("IC") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia ("MASB") yang mandatori untuk tempoh kewangan bermula 1 Januari 2010.

FRS, Pindaan kepada FRS dan Tafsiran IC

FRS 4	Kontrak Insurans
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan
FRS 8	Segmen Operasi
FRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan
FRS 123	Kos Pinjaman
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
Pindaan kepada FRS 1	Pengamalan Piawai Laporan Kewangan Kali Pertama
Pindaan kepada FRS 2	Bayaran berdasarkan Saham – Keadaan dan Pembatalan Hak Pencen
Pindaan kepada FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan
Pindaan kepada FRS 127	Penyata Kewangan Bergabung dan Berasingan: Kos Pelaburan di dalam Anak Syarikat, Entiti Kawalan Bersama atau Bersekutu
Pindaan kepada FRS 132	Instrumen Kewangan: Pembentangan
Pindaan kepada FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
Pindaan kepada FRS	Perbaikan kepada FRS (2009)
Tafsiran IC 9	Penilaian Semula untuk Derivatif Tersirat
Tafsiran IC 10	Pelaporan Kewangan Interim dan Ketidaksempurnaan
Tafsiran IC 11	FRS 2 - Urus Niaga Saham Kumpulan dan Perbendaharaan
Tafsiran IC 13	Program Kesetiaan Pelanggan
Tafsiran IC 14	FRS 119 - Had ke atas Aset Manfaat yang Ditakrifkan, Keperluan Pembiayaan Minimum Dan Tindak balas
Pindaan kepada Tafsiran IC Tafsiran 9	Penilaian semula Derivatif Tersirat (pindaan 2009)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar perakaunan dan kesan daripada pengamalan FRS baru dan disemak semula (samb.)

Pengamalan piawaian dan tafsiran yang mandatori bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2010 tidak mempunyai kesan penting ke atas prestasi atau kedudukan kewangan Syarikat kecuali yang dibincangkan di bawah:

FRS 4 Kontrak Insurans

Bagi pengamalan FRS 4, pendedahan yang diperluaskan diperlukan dan pengelasan semula beberapa item di dalam penyata kedudukan kewangan (termasuk perbandingan) yang sebelum ini dilaporkan pada asas bersih hingga asas kasar diperlukan.

BNM mengeluarkan Garis panduan ke atas Laporan Kewangan untuk Penginsurans pada Julai 2010 untuk memastikan pelaporan kewangan bagi penginsurans adalah selaras dengan keperluan FRS yang dikeluarkan oleh MASB. Untuk tujuan mematuhi perenggan 58 FRS 139 dan perenggan 20(a) FRS 4, bukti objektif ketaksepurnaan dianggap wujud apabila pokok atau faedah/keuntungan atau keduanya untuk pinjaman/belum terima yang ditaksir untuk ketaksepurnaan, adalah lewat untuk lebih daripada 90 hari atau 3 bulan. Sebelum ini, keperluan BNM adalah supaya penginsurans membuat peruntukan penuh untuk premium yang belum dijelaskan termasuk baki ejen, broker dan penginsurans semula melebihi 30 hari untuk kelas motor dan 6 bulan untuk kelas insurans yang lain daripada tarikh yang mana ia menjadi belum diterima.

Kesan pengamalan FRS 4 ke atas perbandingan penyata kedudukan kewangan untuk 2009 diringkaskan seperti berikut:

	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	Pengelasan semula RM	Dinyatakan semula RM
Aset			
Aset penginsurans semula	-	57,038,000	57,038,000
Insurans dan belum diterima lain	19,958,618	353,828	20,312,446
Liabiliti			
Liabiliti kontrak insurans			
- Liabiliti tuntutan	66,019,000	35,856,000	101,875,000
- Liabiliti premium	43,633,000	21,182,000	64,815,000
Insurans dan belum dibayar lain	16,243,759	353,828	16,597,587

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar perakaunan dan kesan daripada pengamalan FRS baru dan disemak semula (samb.)

FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan

Sebelum 1 Januari 2010, maklumat mengenai instrumen kewangan didedahkan selaras dengan keperluan FRS 132: Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan. FRS 7 memperkenalkan pendedahan baru untuk memperbaiki maklumat mengenai instrumen kewangan. Ia memerlukan pendedahan maklumat kualitatif dan kuantitatif mengenai pendedahan kepada risiko yang wujud daripada instrumen kewangan, termasuk pendedahan minimum spesifik mengenai risiko kredit, risiko kecairan dan risiko pasaran, termasuk analisis kepekaan terhadap risiko pasaran.

Syarikat telah menggunakan pendedahan baru FRS 7 dalam penyata kewangan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 termasuk perbandingan.

FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan

FRS 101 yang disemak semula memperkenalkan perubahan di dalam pembentangan dan pendedahan penyata kewangan. Piawaian yang disemak semula mengasingkan perubahan pemilik dan bukan pemilik di dalam ekuiti. Penyata perubahan dalam ekuiti hanya mempunyai maklumat urus niaga dengan pemilik, dan perubahan bukan pemilik dibentangkan dalam satu garisan tunggal. Piawaian juga memperkenalkan penyata pendapatan komprehensif, dengan semua item pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf di dalam untung atau rugi, bersama dengan item pendapatan dan perbelanjaan lain yang diiktiraf secara terus ke dalam ekuiti, sama ada di dalam satu penyata tunggal, atau dalam dua penyata berkait. Syarikat memilih untuk membentangkan penyata ini di dalam dua penyata berkait.

Penyata kedudukan kewangan juga diperlukan pada permulaan tempoh perbandingan terawal selepas perubahan dalam dasar perakaunan, membetulkan kesilapan atau pengelasan item di dalam penyata kewangan. Penyata kedudukan kewangan Syarikat pada permulaan tempoh perbandingan terawal, iaitu 1 Januari 2009 telah dimasukkan dalam perubahan angka untuk 31 Disember 2009 bagi akur dengan perbandingan tahun semasa.

FRS 101 yang disemak semula juga memerlukan Syarikat membuat pendedahan bagi membolehkan pengguna penyata kewangan menilai objektif, dasar dan proses Syarikat dalam menguruskan risiko modal.

FRS 101 yang disemak semula diamalkan dengan retrospektif oleh Syarikat.

FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

Syarikat mengamalkan FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran yang mandatori untuk tempoh kewangan bermula pada dan selepas 1 Januari 2010. Keperluan FRS 139 agak serupa dengan RBC BNM, yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Perubahan dalam dasar perakaunan dan kesan daripada pengamalan FRS baru dan disemak semula (samb.)

FRS baru/disemak semula, pindaan kepada FRS dan tafsiran IC yang dikeluarkan MASB tetapi belum lagi efektif dan belum lagi diamalkan oleh Syarikat:

FRS, Pindaan kepada FRS dan Tafsiran IC		Tarikh efektif untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas
FRS 1	Pengamalan Piawaian Laporan Kewangan Kali Pertama	1 Julai 2010
FRS 3	Penggabungan Perniagaan	1 Julai 2010
FRS 127	Penyata Kewangan Bergabung dan Berasingan	1 Julai 2010
Pindaan kepada FRS 1	Pengecualian Terhadap daripada Pendedahan Perbandingan FRS 7 untuk Pengamal Kali Pertama	1 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 1	Pengecualian Tambahan untuk Pengamal Kali Pertama	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 2	Bayaran berdasarkan Syer	1 Julai 2010
Pindaan kepada FRS 2	Urus niaga Bayaran berdasarkan Syer Dijelaskan dengan Tunai Secara Kumpulan	1 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 5	Aset tak semasa yang dipegang untuk dagangan dan Pengendalian Dihentikan	1 Julai 2010
Pindaan kepada FRS 7	Memperbaiki Pendedahan mengenai Instrumen Kewangan	1 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 132 (perenggan 11, 16 & 97E)	Instrumen Kewangan: Pembentangan (berkaitan pengelasan Terbitan Hak)	1 Mac 2010
Pindaan kepada FRS 138	Aset Tak Ketara	1 Julai 2010
Tafsiran IC 4	Menentukan sama ada Perjanjian mengandungi Pajak	1 Januari 2011
Tafsiran IC 12	Perjanjian Konsesi Perkhidmatan	1 Julai 2010
Tafsiran IC 15	Perjanjian untuk Pembinaan Harta Tanah	1 Julai 2010
Tafsiran IC 16	Lindungan Nilai Pelaburan Bersih di dalam Operasi Asing	1 Julai 2010
Tafsiran IC 17	Agihan Aset bukan Tunai kepada Pemilik	1 Julai 2010
Tafsiran IC 18	Pemindahan Aset daripada Pelanggan	1 Januari 2011
Pindaan kepada Tafsiran IC 9	Penilaian semula Derivatif Tersirat (pindaan 2010)	1 Julai 2010

FRS baru/disemak semula, pindaan FRS dan Tafsiran IC tidak dijangka mempunyai kesan penting ke atas penyata kewangan Syarikat.

3. HARTA DAN PERALATAN

	Pengubahsuaian pejabat RM	Kenderaan bermotor RM	Perabot, kelengkapan, peralatan pejabat dan komputer RM	Jumlah RM
31.12.2010				
Kos				
Pada 1 Januari 2010	1,777,772	324,909	5,910,137	8,012,818
Tambahan	38,206	-	98,611	136,817
Pelupusan	-	-	(181,455)	(181,455)
Hapus kira	(37,702)	-	(95,189)	(132,891)
Penyelarasan	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2010	1,778,276	324,909	5,732,104	7,835,289
Susut Nilai Berkumpul				
Pada 1 Januari 2010	1,745,503	97,767	5,015,708	6,858,978
Caj bagi tahun	36,786	40,030	304,741	381,557
Pelupusan	-	-	(180,074)	(180,074)
Hapus kira	(37,702)	-	(89,258)	(126,960)
Penyelarasan	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2010	1,744,587	137,797	5,051,117	6,933,501
Jumlah Dibawa Bersih	33,689	187,112	680,987	901,788
31.12.2009				
Kos				
Pada 1 Januari 2009	1,783,385	429,377	7,040,148	9,252,910
Tambahan	6,652	-	258,265	264,917
Pelupusan	-	(104,468)	(1,055,406)	(1,159,874)
Hapus kira	(12,265)	-	(348,375)	(360,640)
Penyelarasan	-	-	15,505	15,505
Pada 31 Disember 2009	1,777,772	324,909	5,910,137	8,012,818
Susut Nilai Berkumpul				
Pada 1 Januari 2009	1,704,440	98,305	5,956,904	7,759,649
Caj bagi tahun	53,328	33,959	416,950	504,237
Pelupusan	-	(34,497)	(1,039,722)	(1,074,219)
Hapus kira	(12,265)	-	(331,578)	(343,843)
Penyelarasan	-	-	13,154	13,154
Pada 31 Disember 2009	1,745,503	97,767	5,015,708	6,858,978
Jumlah Dibawa Bersih	32,269	227,142	894,429	1,153,840

4. HARTA TANAH PELABURAN

	31.12.2010	31.12.2009
	RM	RM
Kos		
1 Januari	1,006,700	1,006,700
Pelupusan	(120,000)	-
Pada 31 Disember	<u>886,700</u>	<u>1,006,700</u>
Susut nilai Berkumpul		
1 Januari	239,869	215,427
Caj untuk tahun	22,503	24,442
Pelupusan	(27,970)	-
31 Disember	<u>234,402</u>	<u>239,869</u>
Jumlah Nilai Di bawa	<u>652,298</u>	<u>766,831</u>
Nilai Berpatutan	<u>1,158,000</u>	<u>1,360,000</u>

Nilai berpatutan harta tanah pelaburan adalah berdasarkan nilai pasaran harta tanah seperti mana yang dinilai oleh penilai profesional bebas.

Pada 31 Disember 2010, harta tanah pelaburan terdiri daripada 1 harta tanah kediaman dan 3 komersial, yang mana tiga disewa kepada pihak ketiga. Pendapatan sewa daripada harta tanah ini termasuk di dalam Pendapatan Pelaburan – Nota 17.

Perbelanjaan pengendalian terus (termasuk di dalam Perbelanjaan Pengurusan – Nota 22) yang terbit daripada harta tanah ini sepanjang tahun ialah RM39,177 (2009: RM43,865).

5. ASET TAK KETARA

	Perisian komputer	
	31.12.2010	31.12.2009
	RM	RM
Kos		
Pada 1 Januari	203,949	186,880
Tambahan	694	19,318
Pelupusan	(210)	(780)
Hapus kira	(799)	(3,159)
Penyelarasan	-	1,690
Pada 31 Disember	<u>203,634</u>	<u>203,949</u>

5. ASET TAK KETARA (SAMB.)

	Perisian komputer	
	31.12.2010	31.12.2009
	RM	RM
Pelunasan Terkumpul		
Pada 1 Januari	158,017	136,448
Caj bagi tahun	16,775	23,671
Pelupusan	(210)	(91)
Hapus kira	(799)	(3,141)
Penyelarasan	-	1,130
Pada 31 Disember	173,783	158,017
Jumlah dibawa bersih	29,851	45,932

6. PELABURAN

	31.12.2010	31.12.2009	01.01.2009
	RM	RM	RM
Sekuriti kerajaan Malaysia	40,657,543	40,373,149	19,037,698
Terbitan pelaburan kerajaan	5,046,823	5,156,500	10,202,000
Bon korporat	9,757,457	9,211,592	46,143,303
Pelaburan amanah saham	90,656,194	82,215,850	14,506,178
Sekuriti ekuiti	1,091,303	-	9,566,486
Dana pelaburan harta tanah ("REITs")	405,700	-	118,420
Deposit di institusi kewangan	92,747,175	85,620,789	117,629,871
	240,362,195	222,577,880	217,203,956

Pelaburan kewangan Syarikat diringkaskan oleh kategori seperti berikut:

Pinjaman dan belum diterima ("LAR")	92,747,175	85,620,789	117,629,871
Aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS")	146,118,017	136,957,091	89,889,179
Dipegang untuk dagangan ("HFT")	1,497,003	-	9,684,906
	240,362,195	222,577,880	217,203,956

Pelaburan berikut akan matang selepas 12 bulan:

AFS	49,291,582	54,741,241	70,371,002
-----	-------------------	-------------------	-------------------

6. PELABURAN (SAMB.)**(a) LAR**

	31.12.2010	31.12.2009	01.01.2009
	RM	RM	RM
Kos dilunaskan			
Deposit di institusi kewangan berlesen:			
Bank komersial	49,212,591	73,885,696	83,714,187
Institusi kewangan lain	43,534,584	11,735,093	33,915,684
	<u>92,747,175</u>	<u>85,620,789</u>	<u>117,629,871</u>

(b) AFS

	31.12.2010	31.12.2009	01.01.2009
	RM	RM	RM
Nilai berpatutan			
Sekuriti kerajaan Malaysia	40,657,543	40,373,149	19,037,698
Terbitan pelaburan kerajaan	5,046,823	5,156,500	10,202,000
Disebut di Malaysia:			
Pelaburan amanah saham	90,656,194	82,215,850	14,506,178
Tidak di sebut di Malaysia:			
Bon korporat	9,757,457	9,211,592	46,143,303
	<u>146,118,017</u>	<u>136,957,091</u>	<u>89,889,179</u>

(c) FVTPL

	31.12.2010	31.12.2009	01.01.2009
	RM	RM	RM
Nilai berpatutan			
Dipegang untuk Dagangan			
Sekuriti ekuiti	1,091,303	-	9,566,486
REITs	405,700	-	118,420
	<u>1,497,003</u>	<u>-</u>	<u>9,684,906</u>

(d) Nilai dibawa instrumen kewangan

	LAR	AFS	HFT	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2010	85,620,790	136,957,091	-	222,577,881
Belian	558,753,694	18,189,174	12,638,778	589,581,646
Kematangan	(551,627,309)	-	-	(551,627,309)
Pelupusan	-	(11,226,992)	(11,365,411)	(22,592,403)
Keuntungan/ (kerugian) nilai berpatutan yang dicatatkan dalam:				
Untung atau rugi	-	-	223,636	223,636
Pendapatan	-	-	-	-
komprehensif lain	-	2,417,443	-	2,417,443
Pelaras pelunasan	-	(218,699)	-	(218,699)
Pada 31 Disember 2010	<u>92,747,175</u>	<u>146,118,017</u>	<u>1,497,003</u>	<u>240,362,195</u>

6. PELABURAN (SAMB.)**(d) Nilai dibawa instrumen kewangan (samb.)**

	LAR RM	AFS RM	HFT RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	117,629,871	89,889,179	9,684,906	217,203,956
Belian	1,457,833,924	107,266,093	8,385,617	1,573,485,634
Kematangan	(1,489,843,005)	(5,000,000)	-	(1,494,843,005)
Pelupusan	-	(55,400,771)	(21,207,258)	(76,608,029)
Keuntungan/ (kerugian) nilai berpatutan yang dicatatkan dalam:				
Untung atau rugi	-	-	3,136,735	3,136,735
Pendapatan				
komprehensif lain	-	349,656	-	349,656
Pelarasan pelunasan	-	(147,066)	-	(147,066)
Pada 31 Disember 2009	85,620,790	136,957,091	-	222,577,881

(e) Nilai berpatutan instrumen kewangan

Jadual berikut menunjukkan pelaburan kewangan yang dicatatkan pada nilai berpatutan yang dianalisis menggunakan asas berlainan nilai berpatutan seperti berikut:

	AFS RM	HFT RM	Jumlah RM
31 Disember 2010			
Harga pasaran disebut	90,656,194	1,497,003	92,153,197
Teknik penilaian – input dapat dilihat pasaran	55,461,823	-	55,461,823
	<u>146,118,017</u>	<u>1,497,003</u>	<u>147,615,020</u>
31 Disember 2009			
Harga pasaran disebut	82,215,850	-	82,215,850
Teknik penilaian – input dapat dilihat pasaran	54,741,241	-	54,741,241
	<u>136,957,091</u>	<u>-</u>	<u>136,957,091</u>

Termasuk dalam kategori harga disebut adalah instrumen kewangan yang diukur sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dengan merujuk kepada sebutan yang diterbitkan di dalam pasaran aktif. Instrumen kewangan dianggap sebagai disebut di dalam pasaran aktif sekiranya harga sebutan tersedia secara tetap dari bursa saham, pasaran sekunder melalui peniaga dan broker, khidmat penghargaan atau agensi berperaturan dan harga tersebut mewakili urus niaga pasaran sebenar yang kerap pada asas telus.

6. PELABURAN (SAMB.)**(e) Nilai berpatutan instrumen kewangan (samb.)**

Instrumen kewangan diukur menggunakan teknik penilaian berdasarkan anggapan yang disokong oleh harga daripada urus niaga pasaran semasa yang dapat dilihat adalah instrumen mana penghargaan diperoleh melalui khidmat penghargaan tetapi yang mana harga belum ditentukan di dalam pasaran aktif dan instrumen dengan nilai berpatutan adalah berdasarkan sebutan broker.

7. ASET PENGINSURANS SEMULA

	31.12.2010	31.12.2009	01.01.2009
	RM	RM	RM
Penginsurans semula kontrak insurans (Nota 12)	68,853,000	57,038,000	43,892,000

8. INSURANS DAN BELUM DITERIMA LAIN

	31.12.2010	31.12.2009	01.01.2009
	RM	RM	RM
Belum diterima insurans:			
Premium perlu dijelaskan termasuk baki ejen/broker dan penginsurans bersama	15,520,265	9,426,096	11,396,691
Peruntukan untuk ketaksempurnaan	(521,697)	(489,965)	(1,468,677)
	<u>14,998,568</u>	<u>8,936,131</u>	<u>9,928,014</u>
Jumlah terhutang daripada penginsurans/syarikat pengesid	2,242,763	3,157,434	3,270,042
Peruntukan untuk ketaksempurnaan	(226,851)	(520,710)	(562,341)
	<u>2,015,912</u>	<u>2,636,724</u>	<u>2,707,701</u>
Jumlah belum diterima insurans	<u>17,014,480</u>	<u>11,572,855</u>	<u>12,635,715</u>
Belum diterima:			
Belum diterima lain, deposit & prabayaran	3,407,164	3,275,509	4,084,969
Bahagian aset bersih di dalam Malaysian Motor Insurance Pool ("MMIP")	7,154,900	4,069,295	2,366,668
Pendapatan perlu dijelaskan dan terakru	1,187,510	1,394,787	2,066,669
Jumlah belum diterima lain	<u>11,749,574</u>	<u>8,739,591</u>	<u>8,518,306</u>
Jumlah insurans dan belum diterima lain	<u>28,764,054</u>	<u>20,312,446</u>	<u>21,154,021</u>

Nilai dibawa jumlah merupakan anggaran nilai berpatutan disebabkan kematangan baki ini yang bertempoh agak pendek.

9. PINJAMAN

	31.12.2010 RM	31.12.2009 RM
Pinjaman kakitangan:		
Bercagar	2,026,174	2,705,352
Tidak bercagar	25,871	32,040
	<u>2,052,045</u>	<u>2,737,392</u>
Belum diterima selepas 12 bulan	<u>1,615,546</u>	<u>2,228,726</u>

Purata wajaran kadar faedah efektif bagi pinjaman kakitangan pada 31 Disember 2010 adalah 2.59% (2009: 2.89%) pada asas kiraan atas baki bulanan.

10. MODAL SAHAM

	Bilangan saham biasa		Jumlah	
	RM1 setiap satu		Jumlah	
	2010	2009	2010	2009
Dibenarkan:				
Pada 1 Januari/ 31 Disember	<u>500,000,000</u>	<u>500,000,000</u>	<u>500,000,000</u>	<u>500,000,000</u>
Diterbitkan dan berbayar:				
Pada 1 Januari/ 31 Disember	<u>100,000,000</u>	<u>100,000,000</u>	<u>100,000,000</u>	<u>100,000,000</u>

11. RIZAB

Pada masa ini, syarikat Malaysia mengamalkan sistem taksiran penuh. Menurut Akta Kewangan 2007, yang diwartakan pada 28 Disember 2007, syarikat tidak berhak menolak cukai daripada dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada pemegang saham, dan dividen sedemikian akan ditolak daripada cukai pemegang saham ("sistem single tier"). Walau bagaimanapun, terdapat tempoh peralihan selama enam tahun, yang akan luput pada 31 Disember 2013, yang membenarkan syarikat untuk membayar dividen yang dicap kepada pemegang saham di bawah keadaan terhad. Syarikat juga mempunyai pilihan yang tidak boleh ditarik balik untuk menyetepikan kredit cukai terkumpul di bawah Seksyen 108 Akta Cukai, 1967 ("baki 108") dan memilih untuk membayar di bawah sistem single tier. Perubahan undang-undang cukai ini juga membolehkan baki 108 disekat keluar pada 31 Disember 2007 menurut Seksyen 39 Akta Kewangan, 2007.

Syarikat tidak memilih pilihan yang tidak boleh ditarik balik untuk menyetepikan baki 108. Selaras dengan itu, dalam tempoh peralihan, Syarikat boleh menggunakan kredit di dalam baki 108 setakat 31 Disember 2007 untuk mengagihkan bayaran dividen tunai kepada pemegang saham biasa seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Kewangan, 2007. Pada 31 Disember 2010, Syarikat mempunyai kredit yang mencukupi di dalam baki 108 dan pendapatan dikecualikan cukai untuk membayar dividen dicap daripada keseluruhan perolehan tertahan. Pada 31 Disember 2010, Syarikat mempunyai pendapatan dikecualikan cukai sebanyak RM1,570,906 (2009: RM1,568,836) untuk diagihkan.

12. LIABILITI KONTRAK INSURANS

	31.12.2010			31.12.2009			01.01.2009		
	Kasar RM	Insurans Semula RM	Bersih RM	Kasar RM	Insurans Semula RM	Bersih RM	Kasar RM	Insurans Semula RM	Bersih RM
Peruntukan untuk tuntutan yang dilaporkan oleh pemegang polisi	90,174,364	(37,899,250)	52,275,114	87,396,709	(34,066,343)	53,330,366	96,176,678	(37,459,770)	58,716,908
Peruntukan untuk tuntutan tertanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR")	20,183,636	(1,765,750)	18,417,886	14,478,291	(1,789,657)	12,688,634	(542,678)	7,188,770	6,646,092
Liabiliti tuntutan (i)	110,358,000	(39,665,000)	70,693,000	101,875,000	(35,856,000)	66,019,000	95,634,000	(30,271,000)	65,363,000
Liabiliti premium (ii)	78,933,000	(29,188,000)	49,745,000	64,815,000	(21,182,000)	43,633,000	56,741,000	(13,621,000)	43,120,000
	189,291,000	(68,853,000)	120,438,000	166,690,000	(57,038,000)	109,652,000	152,375,000	(43,892,000)	108,483,000

(i) Liabiliti Tuntutan

	31.12.2010			31.12.2009		
	Kasar RM	Insurans Semula RM	Bersih RM	Kasar RM	Insurans Semula RM	Bersih RM
Pada 1 Januari	101,875,000	(35,856,000)	66,019,000	95,634,000	(30,271,000)	65,363,000
Tuntutan tertanggung pada tahun kemalangan semasa	80,623,250	(15,462,286)	65,160,964	89,290,331	(21,447,484)	67,842,847
Tuntutan tertanggung dalam tahun kemalangan lepas	(1,427,664)	2,408,163	980,499	10,656,458	(8,259,009)	2,397,449
Penggerakan PRAD liabiliti tuntutan pada tahap keyakinan 75%	1,374,000	6,907	1,380,907	1,010,000	(1,158,938)	(148,938)
Penggerakan dalam perbelanjaan pengendalian tuntutan	668,385	-	668,385	569,735	-	569,735
Tuntutan dibayar sepanjang tahun	(72,754,971)	9,238,216	(63,516,755)	(95,285,524)	25,280,431	(70,005,093)
Pada 31 Disember	110,358,000	(39,665,000)	70,693,000	101,875,000	(35,856,000)	66,019,000

(ii) Liabiliti premium

Pada 1 Januari	64,815,000	(21,182,000)	43,633,000	56,741,000	(13,621,000)	43,120,000
Premium yang ditulis untuk tahun	161,015,626	(51,542,196)	109,473,430	152,338,487	(52,285,208)	100,053,279
Premium terperoleh sepanjang tahun	(146,897,626)	43,536,196	(103,361,430)	(144,264,487)	44,724,208	(99,540,279)
Pada 31 Disember	78,933,000	(29,188,000)	49,745,000	64,815,000	(21,182,000)	43,633,000

13. ASET CUKAI TERTUNDA/(LIABILITI)

	31.12. 2010	31.12. 2009
	RM	RM
Pada 1 Januari	(10,415)	(307,664)
- Diiktiraf di dalam penyata pendapatan (Nota 23)	1,139,348	384,663
- Diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain	(604,361)	(87,414)
Pada 31 Disember	<u>524,572</u>	<u>(10,415)</u>

Komponen dan pergerakan liabiliti cukai tertunda dan aset cukai tertunda dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

31.12.2010	Perubahan nilai berpatutan ke atas pelaburan RM	Peruntukan modal dipercepat RM	Jumlah RM
Liabiliti Cukai tertunda			
Pada 1 Januari 2010	-	218,898	218,898
- Diiktiraf di dalam penyata pendapatan	55,909	(33,343)	22,566
- Diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain	498,204	-	498,204
Pada 31 Disember 2010	<u>554,113</u>	<u>185,555</u>	<u>739,668</u>

31.12.2010	Belum diterima RM	Perubahan nilai berpatutan ke atas pelaburan RM	Lain-lain RM	Jumlah RM
Aset Cukai Tertunda				
Pada 1 Januari 2010	93,901	106,157	8,425	208,483
- Diiktiraf di dalam penyata pendapatan	(14,464)	-	1,176,378	1,161,914
- Diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain	-	(106,157)	-	(106,157)
Pada 31 Disember 2010	<u>79,4347</u>	<u>-</u>	<u>1,184,803</u>	<u>1,264,240</u>
Aset Cukai Tertunda Bersih				<u>524,572</u>

13. ASET CUKAI TERTUNDA/(LIABILITI) (SAMB.)

31.12.2009	Perubahan nilai berpatutan ke atas pelaburan RM	Peruntukan modal dipercepat RM	Jumlah RM
Liabiliti Cukai Tertunda			
Pada 1 Januari 2009	1,218,493	269,511	1,488,004
- Diiktiraf di dalam penyata pendapatan	(1,218,493)	(50,613)	(1,269,106)
Pada 31 Disember 2009	<u>-</u>	<u>218,898</u>	<u>218,898</u>

31.12.2009	Belum diterima RM	Perubahan nilai berpatutan ke atas pelaburan RM	Lain-lain RM	Jumlah RM
Aset Cukai Tertunda				
Pada 1 Januari 2009	192,425	977,756	10,159	1,180,340
- Diiktiraf di dalam Penyata pendapatan	(98,524)	(784,185)	(1,734)	(884,443)
- Diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain	-	(87,414)	-	(87,414)
Pada 31 Disember 2009	<u>93,901</u>	<u>106,157</u>	<u>8,425</u>	<u>208,483</u>
Liabiliti Cukai Tertunda Bersih				<u>(10,415)</u>

14. INSURANS DAN BELUM DITERIMA LAIN

	31.12.2010 RM	31.12.2009 RM	01.01.2009 RM
Dagangan Belum dibayar:			
Jumlah terhutang kepada syarikat insurans semula/pengesid	9,916,226	6,498,245	6,057,790
Jumlah terhutang kepada broker, penginsurans bersama dan yang diinsuranskan	<u>6,311,354</u>	<u>4,537,606</u>	<u>4,297,559</u>
	<u>16,227,580</u>	<u>11,035,851</u>	<u>10,355,349</u>
Belum dibayar lain:			
Belum dibayar lain dan liabiliti akruan	<u>9,521,171</u>	<u>5,561,736</u>	<u>4,509,771</u>
Jumlah insurans dan belum dibayar	<u>25,748,751</u>	<u>16,597,587</u>	<u>14,865,120</u>

Jumlah dibawa didedahkan pada anggaran nilai berpatutan pada tarikh pelaporan.

15. HASIL PENGENDALIAN

	2010	2009
	RM	RM
Premium kasar (Nota 16)	146,897,626	144,264,487
Pendapatan pelaburan (Nota 17)	9,304,455	8,050,716
	<u>156,202,081</u>	<u>152,315,203</u>

16. PREMIUM TERPEROLEH BERSIH

	2010	2009
	RM	RM
(a) Premium Kasar		
Kontrak insurans (Nota 12 (ii))	161,015,626	152,338,487
Perubahan dalam peruntukan premium tidak terperoleh	<u>(14,118,000)</u>	<u>(8,074,000)</u>
	<u>146,897,626</u>	<u>144,264,487</u>
(b) Premium diserahkan		
Kontrak insurans	(51,542,196)	(52,285,208)
Perubahan dalam peruntukan premium tidak terperoleh	<u>8,006,000</u>	<u>7,561,000</u>
	<u>(43,536,196)</u>	<u>(44,724,208)</u>
Premium Terperoleh Bersih	<u>103,361,430</u>	<u>99,540,279</u>

17. PENDAPATAN PELABURAN

	2010	2009
	RM	RM
Pendapatan sewa daripada harta tanah pelaburan	62,750	63,836
Aset kewangan pada FVTPL – dipegang untuk tujuan dagangan		
Pendapatan dividen		
- sekuriti ekuiti	226,056	290,981
- REITs	15,422	7,258
Aset kewangan AFS		
Pendapatan faedah	2,487,078	3,274,403
Pendapatan dividen		
- amanah saham	4,556,670	1,434,605
Pendapatan faedah daripada pinjaman dan belum diterima	2,157,801	3,108,180
Pendapatan keuntungan daripada tunai di bank	17,377	18,519
Pelunasan premium, tolak akresi atas diskaun	<u>(218,699)</u>	<u>(147,066)</u>
	<u>9,304,455</u>	<u>8,050,716</u>

18. KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN DIREALISASIKAN

	2010	2009
	RM	RM
Aset kewangan pada FVTPL – dipegang untuk tujuan dagangan		
Keuntungan direalisasikan:		
Sekuriti ekuiti	1,213,444	2,360,605
REITs	34,212	-
Kerugian direalisasikan:		
Sekuriti ekuiti	(125,786)	(1,491,256)
REITs	-	(50,430)
Jumlah keuntungan direalisasikan untuk aset kewangan pada FVTPL	<u>1,121,870</u>	<u>818,919</u>
Aset kewangan AFS		
Keuntungan direalisasikan:		
Amanah saham	78,755	12,167
Bon korporat	-	219,966
Bon kerajaan	-	-
Kerugian direalisasikan:		
Amanah saham	(6,510)	(3,270)
Bon korporat	-	(294,423)
Bon kerajaan	-	(121,912)
Jumlah keuntungan/(kerugian) direalisasikan untuk aset kewangan AFS	<u>72,245</u>	<u>(187,472)</u>
	<u>1,194,115</u>	<u>631,447</u>

19. KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN NILAI BERPATUTAN

	2010	2009
	RM	RM
Aset kewangan pada FVTPL – dipegang untuk tujuan dagangan	<u>223,636</u>	<u>3,136,735</u>

20. FI DAN PENDAPATAN KOMISEN

	2010	2009
	RM	RM
Pendapatan komisen insurans semula	10,001,564	11,122,207

21. FAEDAH BERSIH DAN TUNTUTAN

	Nota	2010	2009
		RM	RM
(a) Faedah Kasar dan Tuntutan Dibayar			
Kontrak insurans	12(i)	(72,754,971)	(95,285,524)
(b) Tuntutan Diserahkan kepada Penginsurans Semula			
Kontrak insurans	12(i)	9,238,216	25,280,431
(c) Perubahan Kasar dalam Liabiliti Kontrak			
Kontrak insurans		(8,483,000)	(6,241,000)
(d) Perubahan dalam Liabiliti Kontrak yang Diserahkan kepada Penginsurans Semula			
Kontrak insurans		3,809,000	5,585,000

22. PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Nota	2010 RM	2009 RM
Perbelanjaan manfaat kakitangan:	22(a)	20,166,819	16,062,233
Yuran pengarah	22(b)	189,500	178,900
Imbuan juruaudit			
audit berkanun		120,000	111,000
perkhidmatan lain-lain		13,000	27,000
Susut nilai harta dan peralatan	3	381,557	504,237
Susut nilai harta tanah	4	22,503	24,442
Perbelanjaan pengendalian terus			
harta tanah pelaburan –			
penjanaan hasil	4	39,177	43,865
Pelunasan aset tak ketara	5	16,775	23,671
Hutang lapuk dihapus kira tolak			
pemulihan		53,297	749,701
Masuk kira semula peruntukan			
untuk kerugian ketaksempurnaan		(262,128)	(1,020,343)
Sewa pejabat		1,616,223	1,529,923
Sewa peralatan pejabat		412,754	422,302
Penyelenggaraan komputer		907,899	870,100
Hiburan		363,852	341,636
Pengangkutan dan perjalanan		339,576	352,123
Pencetakan dan alat tulis		271,846	346,929
Caj rangkaian Padunet		596,065	346,826
Perbelanjaan khidmat kongsi		1,482,338	1,545,053
Caj bank		1,118,890	1,030,301
Perbelanjaan lain		2,252,228	2,275,518
		<u>30,102,171</u>	<u>25,765,417</u>

(a) Perbelanjaan Manfaat Kakitangan

	2010 RM	2009 RM
Upah dan gaji	16,511,486	12,924,147
Caruman sekuriti sosial	113,349	116,740
Caruman kepada rancangan caruman		
ditakrifkan, KWSP	2,532,129	1,950,413
Manfaat lain	1,009,855	1,070,933
	<u>20,166,819</u>	<u>16,062,233</u>

22. PERBELANJAAN PENGURUSAN (SAMB.)**(b) Imbuan Pengarah**

Maklumat imbuan yang belum diterima oleh pengarah pada tahun semasa adalah seperti di bawah:

	2010	2009
	RM	RM
Yuran pengarah bukan eksekutif	189,500	178,900

Bilangan pengarah Syarikat yang mana imbuan pada tahun semasa termasuk dalam lingkungan berikut dianalisis seperti di bawah:

	Bilangan pengarah	
	2010	2009
Pengarah bukan eksekutif:		
Di bawah RM50,000	6	6

(c) Maklumat terperinci mengenai imbuan yang diterima dan belum diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun semasa adalah seperti di bawah:

	2010	2009
	RM	RM
Gaji dan emolument lain	359,781	336,132
Bonus	546,500	150,000
Caruman kepada rancangan caruman ditakrifkan	144,080	76,816
Anggaran nilai kewangan manfaat sedemikian	16,471	15,372
	<u>1,066,832</u>	<u>578,320</u>
Jumlah yang termasuk di dalam Perbelanjaan Manfaat Kakitangan	<u>1,050,361</u>	<u>562,948</u>

23. PENCUKAIAN

	2010	2009
	RM	RM
Cukai pendapatan:		
Cukai pendapatan Malaysia	218,655	786,187
